



LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA 2018

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

ISI KANDUNGAN

2 Definisi
Ukur Hakmilik

3 Latar Belakang
LJT

4 Penyataan
Visi dan Misi

5 Fungsi-fungsi
LJT

6 Maklumat
Korporat

7 Carta Organisasi
LJT

8 Ahli-ahli
Lembaga Jurukur
Tanah

11 Pengurusan dan
Pentadbiran
LJT

12 Jawatankuasa
Kerja

14 Laporan
Pengerusi

19 Pengurusan Kewangan
dan Perakaunan LJT

26 Laporan
Audit

27 Prestasi Dan Pencapaian
Aktiviti Utama

46 Penutup

47 Penyata Kewangan
bagi tahun berakhir 31
Disember 2018

DEFINISI UKUR HAKMILIK

Ukur hakmilik atau ukur kadaster bermaksud apa-apa pengukuran yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud atau berhubung dengan pendaftaran apa-apa suratakuan atau suratcara yang menyentuh hakmilik tanah dan yang berhubungan dengannya serta termasuk:

- i. persempadan mana-mana tanah samada dimiliki secara persendirian atau tidak;
- ii. peletakkan, penggantian dan pembuangan tanda sempadan;
- iii. pengukuran-pengukuran yang dikehendaki bagi perkaitan yang betul mengenai sempadan-sempadan atau tanda-tanda sempadan; dan
- iv. melakukan dan mencatatkan semua ukuran dan kiraan yang relevan dengannya dan melukis serta menyalin pelan-pelan daripadanya.

LATAR BELAKANG LJT

Lembaga Juruukur Tanah yang selepas ini akan disebut sebagai LJT, telah ditubuh dan diperbadankan pada 1 Mei 1958 melalui Warta Kerajaan PU 131/58. Penubuhan LJT pada masa itu adalah dengan hasrat untuk mengumpulkan tenaga profesional dalam bidang ukur tanah sebagai pemangkin dan mengambil bahagian dalam kerja-kerja pembangunan tanah khususnya dan negara amnya. Penubuhannya juga adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 3, Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991), (Akta 458).

Selain daripada itu, tujuan penubuhan LJT juga adalah untuk melindungi kepentingan pihak-pihak yang berkaitan secara langsung dalam perkhidmatan ukur tanah. Antara lain ia bertujuan meningkatkan tahap profesionalisme juruukur tanah di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan. Dalam hubungan ini, LJT telah diperuntukan kuasa bagi merangka undang-undang dan peraturan-peraturan berhubung dengan perlesenan dan pengawalan terhadap juruukur-juruukur tanah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Lembaga dianggotai seramai enam (6) orang ahli yang bertanggungjawab untuk memastikan hala tuju LJT selaras dengan asas penubuhannya. Perlantikan dibuat mengikut Seksyen 4, Akta Juruukur Tanah Berlesen, 1958, (Semakan 1991) (Akta 458). Ahli-ahli Lembaga terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan empat (4) orang ahli yang dilantik.

Jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi adalah merupakan pegawai *ex-officio* daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) iaitu masing-masing Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Manakala empat (4) orang ahli yang lain adalah dilantik oleh YB Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun. Namun begitu, YB Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli mempunyai kuasa untuk melanjutkan atau memendekkan tempoh perkhidmatan bagi seseorang ahli yang dilantik tersebut.

Berdasarkan seksyen yang sama juga, empat (4) orang ahli yang dilantik tersebut hendaklah terdiri daripada seorang Pengarah Ukur Negeri dan tiga (3) orang juruukur tanah yang dilesenkan di bawah Seksyen 9, Akta yang sama.

PENYATAAN VISI DAN MISI

Visi:

Menjadikan LJT sebagai sebuah institusi unggul bagi memartabatkan profesion ukur tanah demi kepentingan pembangunan negara melalui perkhidmatan ukur tanah dan geomatik.

Misi:

- i. Mewujudkan satu komuniti ukur tanah yang berkualiti, beretika, bertanggungjawab serta berkeupayaan untuk bertindak secara profesional bersesuaian dengan keadaan semasa; dan
- ii. Menggalakkan organisasi yang cekap dan berdaya saing di kalangan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) agar dapat memberikan perkhidmatan ukur tanah dan geomatik yang terbaik serta dapat memenuhi keperluan pembangunan negara.

FUNGSI-FUNGSI LJT

- i. Membuat apa-apa peraturan dan ketetapan bagi tujuan pendaftaran juruukur tanah yang berkelayakan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- ii. Mengeluarkan lesen praktis kepada juruukur tanah yang berdaftar dengan LJT;
- iii. Mendaftar dan mengawal selia syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh JTB untuk tujuan praktis mereka;
- iv. Mendaftar orang berartikel yang memenuhi syarat kelayakan pendaftaran;
- v. Mengawal selia prestasi kerja (ukuran hakmilik) yang dijalankan oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB);
- vi. Mengurus selia kutipan dan pembayaran fi ukur kepada JTB mengikut kemajuan kerja sepertimana yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011;
- vii. Mengurus selia apa-apa peraturan dan ketetapan berdasarkan kehendak Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991), (Akta 458);
- viii. Menyediakan asas kepimpinan dalam meningkat serta memartabatkan profesion ukur tanah di sektor swasta; dan
- ix. Membuat penilaian dan memberikan akreditasi kepada program pengajian dalam bidang ukur tanah kepada Pusat Pengajian Tinggi tempatan dan luar negara.

MAKLUMAT KORPORAT

Pejabat berdaftar

LEMBAGA JURUKUR TANAH

Aras 5-7, Wisma LJT,
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati,
53100 Kuala Lumpur.

- No. Telefon: 03- 4108 5191
- No. Faksimili: 03-4108 5178
- Laman web: www.ljt.org.my

Bank Utama

CIMB BANK BERHAD

227 & 228, Jalan Bandar 13,
Taman Melawati,
53100 Kuala Lumpur.

Juruaudit

JABATAN AUDIT NEGARA,

Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan,
No 15 Aras 3, Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 Putrajaya.

Juruaudit Luar

MAHINDER SINGH & CO.

7-2 Jalan Cecawi 6/19B,
Seksyen 6, Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya, Selangor.

CARTA ORGANISASI LJT



AHLI-AHLI LEMBAGA JURUKUR TANAH

Pengerusi

Sr Dr. Azhari bin Mohamed AMN, PJK
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
(Lantikan berkuatkuasa pada 22 Julai 2019)

YBhg. Dato' Indera Sr Mohd Noor bin Isa SIMP, DIMP, SMP
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
(Lantikan tamat pada 06 Mei 2019)

Timbalan Pengerusi

Sr Dr. Azhari bin Mohamed AMN, PJK
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
(Lantikan berkuatkuasa pada 20 Jun 2019 hingga 21 Julai 2019)

Sr John Elvis Koh SIS, PPT
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II
(Lantikan berkuatkuasa pada 23 Januari 2019 hingga 19 Jun 2019)

Sr Haji Mohamad Kamali bin Adimin
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
(Lantikan tamat pada 14 Januari 2019)

Ahli Lembaga

Sr Anual bin Aziz
Pengarah Ukur dan Pemetaan Kedah
(Lantikan berkuatkuasa pada 16 Julai 2018)

YBhg. Dato' Sr Syed Mohamad Nasir bin Dato' Syed Tahir DSTM
Juruukur Tanah Berlesen
(Lantikan berkuatkuasa pada 16 Julai 2018)

Sr Hj Sirajudin bin Hj Ahmad
Juruukur Tanah Berlesen
(Lantikan berkuatkuasa pada 16 Julai 2018)

Sr Leong Heng Chee
Juruukur Tanah Berlesen
(Lantikan berkuatkuasa pada 16 Julai 2018)

Ahli Lembaga Tamat Perkhidmatan

Sr Ahmad Azman bin Ghazali
 Pengarah Ukur dan Pemetaan Pulau Pinang
 (Lantikan tamat pada 15 Julai 2018)

YBhg. Dato' Dr. Haji Md Said @ Mohd Zaid bin Abdullah DPMT
 Juruukur Tanah Berlesen
 (Lantikan tamat pada 31 Mac 2018)

YB Datuk Sr Hj Md Alwi bin Hj Che Ahmad PGDK, JSM, AMN
 Juruukur Tanah Berlesen
 (Lantikan tamat pada 15 Julai 2018)

Sr Sivanesan a/l Subramaniam
 Juruukur Tanah Berlesen
 (Lantikan tamat pada 15 Julai 2018)

Tarikh Mesyuarat Lembaga Tahun 2018

<i>Bil.</i>	<i>Tarikh</i>	<i>Masa</i>	<i>Tempat</i>
1	30 Januari 2018	2.30 Petang	Room Studio 2, Level 1, Hilton Kota Kinabalu, Sabah.
2	20 Februari 2018	9.00 Pagi	Cengkih Room, Level 2, Hotel Grand Alora, Alor Setar, Kedah.
3	30 Mac 2018	3.00 Petang	Bilik Mesyuarat Lembaga, Tingkat 7, Wisma LJT.
4	30 April 2018	3.00 Petang	Bilik Mesyuarat Lembaga, Tingkat 7, Wisma LJT.
5	25 Julai 2018	2.30 Petang	Bilik Sri Kantan, Level 2, Hotel Perdana Kota Bharu, Kelantan.
6	27 September 2018	9.30 Pagi	Bilik Mesyuarat Lembaga, Tingkat 7, Wisma LJT.
7	25 Oktober 2018	9.30 Pagi	Room Zenith 9, Level 3, Zenith Hotel, Kuantan, Pahang.
8	26 November 2018	9.30 Pagi	Bilik Mesyuarat Lembaga, Tingkat 7, Wisma LJT.
9	29 Disember 2018	9.30 Pagi	Boardroom 1, Level 2, Business Centre, The Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Tahun 2018

<i>Bil.</i>	<i>Nama Ahli</i>	<i>Jawatan</i>	<i>Kehadiran</i>
1	YBhg. Dato' Indera Sr Mohd Noor Bin Isa	Pengerusi	9/9
2	Sr Haji Mohamad Kamali Bin Adimin	Timbalan Pengerusi	9/9
3	Sr Hj Anual Bin Aziz	Ahli Lembaga	4/5
4	YBhg. Dato' Sr Syed Mohamad Nasir	Ahli Lembaga	5/5
5	Sr Hj Sirajudin Bin Ahmad	Ahli Lembaga	4/5
6	Sr Leong Heng Chee	Ahli Lembaga	5/5
7	Sr Ahmad Azman Bin Ghazali	Ahli Lembaga	4/4
8	YB. Datuk Sr Hj Md Alwi Bin Hj Che Ahmad	Ahli Lembaga	3/4
9	YBhg. Dato' Dr. Hj Md Said @ Mohd Zaid Bin Abdullah	Ahli Lembaga	4/4
10	Sr Sivanesan A/L Subramaniam	Ahli Lembaga	4/4

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN LJT

Seksyen 7(1), Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991), (Akta 458) memperuntukan kepada LJT untuk melantik seorang Setiausaha dan beberapa pegawai lain bagi mengurus tadbir dan menjalankan fungsi-fungsi hariannya. Secara keseluruhannya pentadbiran pejabat LJT pada tahun 2018 disokong oleh 51 kakitangan iaitu 43 orang kakitangan tetap dan 8 orang kakitangan kontrak dalam pelbagai jawatan.

Pengurusan pejabat LJT diketuai oleh Sr Ismail bin Harun sebagai Setiausaha Lembaga yang juga merangkap Ketua Pegawai Eksekutif LJT. Sr Mohd Riduan bin Mohamad@Idris pula merupakan Timbalan Setiausaha Lembaga yang juga merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LJT. Bagi melicinkan proses pengurusan dan pentadbiran, struktur LJT dipecahkan kepada lima (5) seksyen utama. Setiap Seksyen diketuai oleh seorang Ketua Seksyen yang dilantik oleh pengurusan atasan. Selain itu, terdapat beberapa unit di bawah setiap seksyen tersebut bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan fungsi dan aktiviti LJT.



JAWATANKUASA KERJA

Lembaga telah mewujudkan beberapa jawatankuasa kerja bagi memantapkan dan melancarkan lagi pengurusannya. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut dianggotai oleh Ahli-ahli Lembaga dan individu-individu berkelayakan yang dilantik oleh Lembaga. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ditubuhkan berdasarkan kepada enam (6) aktiviti-aktiviti utamanya iaitu:

1- Aktiviti Pengurusan Am

- i. Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Harta;
- ii. Jawatankuasa Kecil Pembuka Tender/Sebutharga;
- iii. Jawatankuasa Tender/Sebutharga;
- iv. Jawatankuasa Perolehan;
- v. Jawatankuasa Pengurusan dan Pelupusan Harta; dan
- vi. Jawatankuasa Pemeriksa Pengurusan dan Audit Dalaman.

2- Aktiviti Pembangunan Professional

- i. Jawatankuasa Kecil Pembangunan Professional; dan
- ii. Jawatankuasa Kecil Perancangan dan Pembangunan Projek.

3- Aktiviti Pembangunan Korporat

- i. Jawatankuasa Kecil Mesyuarat Bersama Antara Lembaga Jurukur Tanah.

4- Aktiviti Kelayakan Professional

- i. Jawatankuasa Kecil Penilaian Kelayakan Professional; dan
- ii. Jawatankuasa Kecil Peperiksaan.

5- Aktiviti Kawalan dan Disiplin Praktis

- i. Jawatankuasa Penyiasatan;
- ii. Jawatankuasa Tatatertib;
- iii. Jawatankuasa Amalan Ikhtisas; dan
- iv. Jawatankuasa Pemantauan Prestasi Kerja Juruukur Tanah Berlesen.

6- Aktiviti Kajian Akta, Peraturan dan Prosedur

- i. Jawatankuasa Kecil Kajian Akta dan Peraturan.

Selain daripada itu, Lembaga juga akan mewujudkan jawatankuasa bagi mengurus dan menyelesaikan perkara-perkara di luar jangkauan. Di samping itu, Lembaga juga boleh memutuskan dari semasa ke semasa untuk melantik Ahli Lembaga atau Setiausaha bagi menjalankan tugas-tugas khas yang melibatkan kepentingan LJT khususnya dan profession ukur tanah amnya.



LAPORAN PENGERUSI

Bagi pihak Ahli-ahli Lembaga, sukacita saya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan (telah audit) Lembaga Jurukur Tanah (LJT) bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2018.

Tarikh 9 Mei 2018 adalah tarikh bersejarah di negara kita dengan terbentuknya Kerajaan baharu bagi memenuhi aspirasi baharu rakyat. Rakyat pada masa kini yang semakin matang, mengharapkan sebuah Kerajaan yang menjunjung prinsip keadilan, tadbir urus yang baik, integriti dan kedaulatan undang-undang sebagai teras dan asas kemakmuran negara. Dengan perubahan besar didalam tampuk kepimpinan negara, cabaran utama bagi Kerajaan baharu adalah untuk memastikan persekitaran ekonomi negara terus stabil dan bergerak seiring ke arah pembaharuan struktur ekonomi dan sosial yang sedang direalisasikan demi memenuhi aspirasi dan harapan rakyat.

Selain itu persekitaran ekonomi global yang tidak menentu juga memberi cabaran kepada Kerajaan baharu untuk memastikan persekitaran ekonomi negara terus utuh demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Sepanjang tahun 2018, negara telah menyaksikan pelbagai isu-isu global yang berlaku antaranya ketidakstabilan harga minyak mentah dunia, perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dengan China serta tindakan Kesatuan Eropah (EU) yang memboikot penggunaan minyak sawit mentah dalam penghasilan bahan api bio (*bio fuel*). Sebagai sebuah negara yang mempunyai pasaran terbuka, isu-isu tersebut memberi kesan langsung kepada ekonomi negara dan perlu ditangani dengan penuh berhemah.

Hasil daripada usaha dan komitmen Kerajaan dalam membina struktur ekonomi dan sosial yang lebih baik, ia telah berjaya memastikan agar kedudukan ekonomi negara tidak terganggu dengan ketara kesan daripada cabaran-cabaran besar yang melanda negara samaada diperingkat domestik mahupun global. Dengan pelbagai peristiwa dan cabaran ekonomi yang hebat sepanjang tahun, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2018 masih berkembang pada kadar 4.7%. Walaupun ia lebih rendah berbanding KDNK yang direkodkan pada

tahun 2017 iaitu sebanyak 5.9%, persekitaran ekonomi negara masih stabil dan mampan.

Pada tahun 2018 sektor pembinaan telah berkembang pada kadar yang lebih rendah iaitu 4.2% berbanding 6.7% tahun 2017. Pertumbuhan yang perlahan dalam sektor ini adalah berikutan penyesuaian pasaran kepada dasar-dasar baharu dan penilaian semula projek-projek infrastruktur negara yang sedang dirangka dan dilaksanakan oleh Kerajaan. Justeru, perkhidmatan ukur tanah yang terlibat secara langsung dalam sektor ini turut terkesan dan menyaksikan penurunan dalam permintaan berbanding tahun 2017. Untuk rekod, jumlah deposit fi ukur sebanyak RM385.18 juta yang dikutip oleh LJT sepanjang tahun 2018 menurun 18% berbanding RM471.22 juta tahun sebelum. Manakala jumlah pembayaran deposit fi ukur kepada JTB juga menurun 10% dengan sejumlah RM275.77 juta dibayar pada tahun 2018 berbanding RM285.69 juta tahun sebelum. Namun begitu, pelbagai usaha dan inisiatif akan terus dipergiatkan oleh Lembaga dengan kerjasama para juruukur tanah bagi menjamin kelestarian dan kemampuan perkhidmatan profesion ukur tanah di negara ini dalam menghadapi pelbagai isu dan perubahan dasar pembangunan negara serta sebarang ketidakpastian ekonomi yang melanda negara.

Mengimbu kembali peristiwa dan situasi negara yang berlaku sepanjang tahun 2018, pelbagai pengajaran boleh diambil dan menjadi panduan kepada kita dalam memperkasakan profesion ukur di negara ini. Antara isu yang hangat diperkatakan adalah berkaitan tadbir urus yang baik dan integriti dalam sistem penyampaian sesebuah organisasi. Tadbir urus yang baik adalah penting dalam memastikan gerak kerja dan penyampaian sesebuah organisasi itu adalah mengikut peraturan dan prosedur yang betul. Selain itu, ia juga dapat memastikan penggunaan dana sesebuah organisasi itu adalah cekap dan pada tahap yang optimum.

Individu yang berintegriti dalam sesebuah organisasi pula sentiasa meletakkan etika kerja sebagai teras dalam diri dan profesion mereka. Ini kerana takrif integriti memerlukan individu mempunyai tingkah laku berdasarkan prinsip moral dan nilai etika yang teguh terutama semasa menghadapi persaingan sengit dalam pasaran. Persaingan yang sihat dalam sesuatu industri dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan kos yang berpatutan. Sehubungan itu gabungan

elemen integriti dengan disiplin dan tanggungjawab terhadap profesion ukur haruslah menjadi jati diri bagi setiap juruukur tanah agar perkhidmatan dan profesion ini dilihat telus serta diyakini oleh pelanggan mereka. Pada perspektif pelanggan, elemen-elemen tersebut merupakan nilai tambahan dalam mendapatkan sesuatu perkhidmatan. Dengan keyakinan pelanggan akan integriti dalam profesion ukur dan pentingnya perkhidmatan juruukur tanah dalam struktur pembangunan negara, profesion ukur ini akan lebih berdaya saing dengan profesion-profesion lain yang semakin kompetitif.

Dalam dunia perniagaan masa kini, persaingan semakin sengit, perubahan serta kemajuan teknologi juga semakin pesat. Manakala kehendak pelanggan yang dinamik dilihat semakin kompleks. Namun begitu para juruukur tanah berlesen harus bersaing dengan sihat dan kreatif supaya dapat memastikan profesion ukur tanah tidak terpalit dengan isu-isu negatif yang boleh menjejaskan kepentingan profesion ini dimasa hadapan. Juruukur tanah yang berintegriti perlu mempunyai visi dan misi yang jelas untuk memajukan diri dan profesion ukur ini agar ia dapat dicapai dengan jayanya menggunakan cara yang betul. Sebagai seorang juruukur tanah berlesen yang profesional dan berintegriti, mereka seharusnya sentiasa telus dan jujur semasa memberikan perkhidmatan dan berurusan samaada dengan pelanggan atau pihak berkuasa yang lain. Mereka juga perlu sentiasa memastikan perkhidmatan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berkualiti. Pihak Lembaga juga sentiasa menyokong usaha-usaha yang dijalankan oleh Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah dalam memperkasakan budaya integriti, etika dan profesionalisme dikalangan juruukur tanah berlesen terutamanya melalui penganjuran pelbagai bengkel dan seminar seperti penganjuran seminar *Professional Ethics for Land Surveyors* pada tahun 2018.

Selain itu, adalah menjadi kewajipan kepada para juruukur tanah untuk meningkatkan pengetahuan dan ilmu terutamanya berkaitan perubahan peraturan serta dasar-dasar Kerajaan dan keperluan semasa pasaran yang memberi impak kepada profesion mereka. Mereka juga perlu meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi terkini samaada dalam bidang kadastre dan geospasial atau bidang-bidang lain dalam pembinaan seperti *building information modelling (BIM)* untuk diaplikasikan dalam perkhidmatan mereka. Sebagai ahli professional dalam bidang pengukuran hakmilik, pemetaan dan topografi tanah, juruukur

tanah yang berdaftar dengan Lembaga turut menjadi sumber rujuk kepada masyarakat di luar sana berhubung pembangunan sesuatu kawasan secara optimum. Sehubungan itu LJT sentiasa menyediakan peruntukan bagi menyokong program-program pembelajaran dan pembangunan profesional yang dianjurkan untuk para juruukur tanah agar mereka sentiasa berada di hadapan dalam bidang ukur tanah dan lain-lain bidang yang akan meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka secara holistik.

Seperti sedia maklum, setiap juruukur tanah berlesen dengan Lembaga perlu memenuhi beberapa kriteria untuk memperoleh dan memperbaharui lesen ukur mereka setiap tahun. Di antara kriteria tersebut adalah dengan memenuhi mata CPD yang telah ditentukan melalui penyertaan di dalam program-program pembelajaran dan pembangunan (CEPD) yang meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam profesion ukur ini. Langkah ini penting kepada setiap juruukur tanah berlesen supaya profesionalisme mereka sentiasa ditahap terbaik serta hasil perkhidmatan yang diberikan mematuhi piawaian dan memenuhi kehendak pasaran. Selain itu, ia juga mampu mengelakkan berlakunya unsur-unsur kecuaiian, kesalahan dan pertikaian dalam melaksanakan tugas mereka kepada pelanggan.

Dalam pada itu, JTB juga perlu peka dan cakna akan perubahan dasar-dasar Kerajaan yang memberi impak kepada profesion dan perkhidmatan mereka. Semestinya dengan iltizam Kerajaan untuk memperbaiki tadbir urus yang diwarisi daripada pentadbiran dahulu serta memperbaharui struktur ekonomi dan sosial negara, pelbagai pembaharuan telah diperkenalkan. Pelbagai inisiatif, pembaharuan dan perubahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan baharu contohnya seperti kajian semula laluan Projek Laluan Rel Pantai Timur (*East Coast Rail Link- ECRL*), penanguhan Projek Kereta Apli Berkelajuan Tinggi (*High Speed Rail- HSR*), pelancaran Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025 dibawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan perlaksanaan semula cukai jualan dan perkhidmatan. Ini memerlukan setiap juruukur tanah berlesen bertindak cepat dalam mengadaptasi dengan perubahan dan pembaharuan tersebut. Usaha-usaha Kerajaan ini perlu dilihat oleh juruukur tanah sebagai peluang dalam meneroka pasaran serta gerak kerja baharu dan seterusnya melebarkan jaringan perniagaan mereka.

Akhir kata, saya bagi pihak Lembaga, ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sr Mohd Noor bin Isa yang telah menamatkan perkhidmatan beliau sebagai Pengerusi Lembaga pada 6 Mei 2019. Pelbagai sumbangan, panduan dan sokongan yang telah beliau curahkan demi pembangunan dan kemajuan LJT amat dihargai. Juga, sekalung penghargaan diucapkan kepada Sr John Elvis Koh dan Sr Haji Mohamad Kamali bin Adimin atas sumbangan mereka dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada pengurusan LJT semasa menyandang jawatan Timbalan Pengerusi LJT. Selain itu, Lembaga juga merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli Lembaga yang lain iaitu YBhg Dato' Sr Dr. Hj Md. Said @ Mohd Zaid bin Abdullah, YB Datuk Sr Hj Md Alwi bin Hj Che Ahmad, Sr Sivanesan a/l Subramaniam dan Sr Ahmad Azman bin Ghazali yang telah tamat perkhidmatan pada tahun 2018. Segala inisiatif, idea dan usaha yang telah dicurahkan oleh mereka bagi memajukan Lembaga amat dihargai dan akan sentiasa dikenang.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran Sr Anual bin Aziz, YBhg. Dato' Sr Syed Mohamad Nasir bin Dato' Syed Tahir, Sr Haji Sirajudin bin Haji Ahmad dan Sr Leong Heng Chee yang telah dilantik sebagai Ahli Lembaga yang baharu. Adalah diharap dengan kehadiran mereka dapat menyumbangkan idea-idea baharu yang lebih segar dan berinovasi demi pembangunan profesion ukur tanah amnya dan LJT khususnya. Semoga dengan gabungan idea dan kesinambungan tadbir urus yang baik akan memajukan dan memperkasakan lagi LJT sebagai sebuah organisasi yang disegani dinegara ini.

Sekian, terima kasih.

Sr Dr. Azhari bin Mohamed, AMN PJK
 Pengerusi
 Lembaga Jurukur Tanah
 Malaysia
 22 Julai 2019

PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN LJT

Sumber Kewangan

Pengurusan harian LJT dan pelaksanaan aktiviti-aktivitinya dijalankan tanpa menerima apa-apa peruntukan dan bantuan samada daripada pihak awam mahu pun Kerajaan. Dalam menjalankan fungsi-fungsinya, LJT hanya bergantung kepada punca kewangan melalui sumber-sumber berikut:

- i. yuran pendaftaran juruukur tanah;
- ii. yuran perlesenan juruukur tanah;
- iii. yuran pendaftaran juruukur tanah berartikel;
- iv. yuran pendaftaran syarikat JTB;
- v. yuran peperiksaan/ kursus/ seminar yang dikendalikan oleh LJT;
- vi. caj pentadbiran yang dikutip daripada fi ukur yang didepositkan di LJT oleh pelanggan JTB berdasarkan Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Belesen yang sedang berkuatkuasa;
- vii. faedah yang diterima daripada simpanan tetap di institusi-institusi kewangan;
- viii. dividen dan pendapatan daripada pelaburan;
- ix. sewaan ruang pejabat; dan
- x. denda yang dikenakan ke atas JTB berdasarkan Akta dan peraturan (jika ada)

Tatacara Perakaunan

Tatacara perakaunan Penyata Kewangan Tahunan LJT adalah disedia dan diaudit mengikut peraturan sebagaimana diperuntukan dalam Seksyen 11(4), Akta Juruukur Tanah Berlesen, 1958 (Semakan 1991), (Akta 458) iaitu:

“The accounts of the Board shall be audited annually by an auditor appointed by the Board with the approval of the Minister. The accounts, together with the auditor’s report shall be submitted to the Minister.”

Oleh itu, LJT akan memastikan akaun tahunannya diaudit oleh firma Juruaudit Luar yang bertauliah sejurus selepas tahun kewangannya berakhir. Laporan kewangan yang telah diaudit itu akan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara bagi tujuan pemeriksaan dan pengeluaran sijil audit. Seterusnya, penyata yang telah diperakukan oleh Ketua Audit Negara ini akan dikemukakan untuk perhatian YB Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli.

Laporan Kewangan

Laporan penuh penyata kewangan LJT bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2018 yang telah diaudit adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Ringkasan Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti di Jadual 1.

<i>BUTIRAN</i>	<i>2018</i>	<i>2017</i>
HASIL	RM 68,775,332	RM 62,202,800
PERBELANJAAN	RM 47,330,209	RM 37,908,414
LEBIHAN HASIL SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT	RM 21,445,123	RM 24,294,386
CUKAI	RM 4,298,779	RM 5,762,736
ZAKAT	RM 4,001,000	RM 1,066,000
LEBIHAN HASIL SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT	RM 13,145,344	RM 17,465,650
DANA TERKUMPUL PADA AWAL TAHUN	RM 241,225,522	RM 223,759,872
DANA TERKUMPUL PADA AKHIR TAHUN	RM 254,370,866	RM 241,225,522

Jadual 1: Ringkasan Penyata Prestasi Kewangan

Kedudukan kewangan LJT bagi tahun 2018 telah mencatatkan pengukuhan dimana lebih hasil selepas cukai dan zakat menunjukkan nilai yang memberansangkan seperti tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2018, LJT telah menikmati peningkatan dalam perolehan hasil. Dengan perolehan hasil yang baik ini LJT juga telah meningkatkan perbelanjaannya terutama dalam pembangunan profesion dan perkhidmatan ukur dan pemetaan. Justeru lebih hasil selepas cukai dan zakat LJT pada 2018 adalah sedikit rendah iaitu RM13.15 juta berbanding RM17.47 juta pada 2017. Namun begitu LJT sentiasa memastikan dan mengekalkan pengurusan perbelanjaan yang berhemah dan terkawal agar kedudukan kewangannya terus kukuh dengan memperolehi lebih hasil yang baik setiap tahun.


Pada tahun 2018, jumlah hasil LJT telah menunjukkan peningkatan sebanyak 10.58% yang mana LJT telah memperolehi hasil sebanyak RM68.78 juta berbanding RM62.20 juta pada tahun 2017. Seperti tahun yang lalu, faktor kenaikan pendapatan faedah simpanan tetap merupakan penyumbang utama kepada peningkatan ini.

Kenaikan dalam pendapatan faedah simpanan tetap adalah disebabkan oleh dua faktor iaitu peningkatan dalam jumlah simpanan tetap dan kadar faedah yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2018 jumlah simpanan tetap LJT mencecah RM1.334 bilion berbanding RM1.198 bilion pada tahun 2017 iaitu kenaikan sebanyak 11.35%. Manakala kadar faedah yang ditawarkan oleh institusi kewangan juga lebih tinggi iaitu antara 3.90% hingga 4.38% setahun berbanding 3.80% hingga 4.10% setahun pada tahun sebelumnya.


Dalam pada itu, LJT sentiasa menitikberatkan perbelanjaan yang berhemah serta memantau perbelanjaannya agar seimbang dengan perancangan bajet tahunan dan perolehan hasil yang dijana pada tahun tersebut. Pada tahun 2018, perbelanjaan bagi aktiviti-aktiviti LJT telah meningkat sebanyak 24.85% iaitu dari RM37.91 juta pada 2017 kepada RM47.33 juta pada 2018. Namun begitu LJT sentiasa memastikan peningkatan perbelanjaan ini adalah sejajar dengan kenaikan hasil yang dijana pada tahun 2018.

Dengan jumlah kutipan hasil LJT yang tinggi dan jumlah perbelanjaannya yang turut meningkat, lebih pendapatan sebelum cukai dan zakat LJT adalah sebanyak RM21.45 juta pada 2018 yang mana ia lebih rendah 11.69% berbanding tahun sebelum iaitu sebanyak RM24.29 juta. Sehubungan itu, LJT telah memperuntukkan cukai bagi tahun 2018 yang lebih rendah iaitu sebanyak

RM4.30 juta berbanding RM5.76 juta pada tahun 2017. Selain itu, LJT secara konsisten telah membuat bayaran zakat perniagaan kepada beberapa pusat kutipan zakat negeri yang merupakan suatu kewajipan yang dituntut oleh agama dan sebagai satu amal kebajikan kepada masyarakat. Pada tahun 2018, LJT telah meningkatkan bayaran zakatnya kepada RM4.00 juta iaitu kenaikan sebanyak RM2.93 juta berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM1.07 juta. Bayaran zakat tersebut telah disumbangkan kepada 4 pusat kutipan zakat negeri di Semenanjung Malaysia. Rajah 1 dan 2 di bawah menunjukkan perbandingan antara hasil dan perbelanjaan LJT bagi tahun 2018 dan 2017.




Rajah 1: Perbandingan Hasil tahun 2018 dan 2017



Rajah 2: Perbandingan Perbelanjaan tahun 2018 dan 2017

Walaupun lebihan hasil selepas cukai dan zakat 2018 adalah lebih rendah berbanding tahun sebelum, namun ia terus menyumbang kepada kenaikan 5.45% dalam lebihan hasil terkumpul LJT iaitu meningkat kepada RM254.37 juta berbanding RM241.23 juta pada 2017.



Rajah 3: Perbandingan Lebihan Hasil dan Dana Terkumpul tahun 2018 dan 2017

Bagi nilai aset tetap LJT pula, tiada perubahan ketara direkodkan pada tahun 2017. Nilai buku aset tetap LJT pada tahun 2018 berjumlah RM50.34 juta berbanding RM51.00 juta pada tahun 2017 iaitu menurun sebanyak 1.29%. Penurunan tersebut adalah disebabkan pembelian aset tetap sepanjang tahun 2018 yang berjumlah RM672 ribu adalah kecil berbanding jumlah susut nilai sebanyak RM1.33 juta yang dikenakan ke atas aset-aset yang sedia ada.

Berkaitan dengan pelaburan, LJT telah merekodkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 0.26% kepada RM124.70 juta berbanding RM125.02 juta pada 2017. Penurunan ini disebabkan oleh nilai harga pasaran pada tarikh 31 Disember 2018 adalah lebih rendah berbanding 31 Disember 2017 di pasaran aktif. Namun begitu, penurunan nilai harga pasaran ini adalah kecil dan tidak menjejaskan pelaburan pokok LJT. Selain itu LJT juga telah menikmati dividen hasil pelaburan ini. Sepanjang tahun 2018, LJT tidak membuat sebarang tambahan dalam pelaburannya.

<i>BUTIRAN</i>	<i>2018</i>	<i>2017</i>
Aset Semasa	RM 1,584,066,191	RM 1,486,643,621
Aset Bukan Semasa	RM 112,775,128	RM 92,249,446
JUMLAH ASET	RM 1,696,841,319	RM 1,578,893,067
Liabiliti Semasa	RM 1,403,333,307	RM 1,306,553,263
Liabiliti Bukan Semasa	RM 39,137,146	RM 31,114,282
JUMLAH LIABILITI	RM 1,442,470,453	RM 1,337,667,545
JUMLAH ASET BERSIH	RM 254,370,866	RM 241,225,522
EKUITI	RM 254,370,866	RM 241,225,522

*Jadual 2: Ringkasan Perbandingan Penyata Kedudukan
Kewangan 2018 dan 2017*

Merujuk kepada Jadual 2 di atas, aset semasa LJT pada 31 Disember 2018 adalah sebanyak RM1.584 bilion berbanding liabiliti semasa sebanyak RM1.403 bilion menjadikan aset bersih semasa berjumlah RM181 juta. Jumlah aset bersih semasa ini meningkat sebanyak 0.56% jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya yang berjumlah RM180 juta. Ini juga menunjukkan kedudukan kewangan LJT yang kukuh serta masih mengekalkan kedudukan kecairan kewangannya pada tahap yang membolehkan keupayaan untuk membayar semua tanggungannya dalam tempoh jangka pendek. Sejumlah 98% daripada aset semasa LJT adalah terdiri daripada simpanan tetap, pelaburan dan simpanan jangka pendek serta baki di bank. Manakala 99% daripada liabiliti semasa pula adalah terdiri daripada deposit fi ukur. Oleh itu, LJT mempunyai keupayaan untuk membayar deposit fi ukur pada bila-bila masa kerana deposit tersebut disimpan di dalam aset yang mudah dicairkan sekiranya diperlukan. Dengan kedudukan aset semasa bersih dan jumlah simpanan jangka panjang yang tinggi, LJT mempunyai sumber kewangan yang kukuh untuk menghadapi sebarang ketidakpastian ekonomi pada masa hadapan.

Jumlah keseluruhan deposit fi ukur di LJT pada tahun 2018 telah meningkat sebanyak RM102.65 juta atau 7.74% berbanding tahun 2017 kepada RM1.428 bilion. Secara tidak langsung, peningkatan dalam kutipan deposit fi ukur ini telah menyumbang kepada perolehan caj pentadbiran fi ukur di LJT. Selain itu juga, deposit fi ukur ini disimpan dalam simpanan tetap di institusi kewangan yang turut menyumbang kepada kestabilan kedudukan kewangan LJT. Walau bagaimanapun, LJT sentiasa memantau faktor-faktor luaran yang boleh memberi kesan kepada kedudukan kewangan LJT dan akan mengambil tindakan sewajarnya dalam memastikan kedudukan kewangannya kekal stabil.

Hasil daripada peningkatan pendapatan dan kestabilan kedudukan kewangannya, LJT telah berupaya untuk meningkatkan peruntukan untuk pembangunan profesion dan perkhidmatan ukur tanah di negara ini. Pada tahun 2018 sejumlah RM31.01 juta telah dibelanjakan untuk pelbagai aktiviti pembangunan profesion termasuk perbelanjaan berbentuk insentif dan subsidi kepada JTB. Jumlah perbelanjaan tersebut telah meningkat sebanyak 43% berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah RM21.64 juta. Pelbagai insentif dan subsidi telah diberikan kepada JTB bagi meningkatkan keupayaan dan produktiviti JTB terutamanya dari segi ilmu dan kemahiran terkini hingga kepada melengkapkan mereka dengan peralatan dan teknologi ukur yang terkini bagi menjalankan kerja-kerja ukur di padang mahupun di pejabat.

LAPORAN AUDIT

Berdasarkan peruntukan Seksyen 11(4), Akta Juruukur Tanah Berlesen, 1958 (Semakan 1991) (Akta 458), akaun Lembaga hendaklah diaudit setiap tahun oleh juruaudit yang telah dilantik. Dalam hubungan ini, Firma Audit Bertauliah iaitu Mahinder Singh & Co yang beralamat di No.7-2 Jalan Cecawi 6/19B, Seksyen 6, Kota Damansara, Petaling Jaya telah dilantik untuk mengaudit akaun LJT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

LJT telah mengemukakan penyata kewangannya kepada Firma Juruaudit dan Jabatan Audit Negara pada 8 Mac 2019 untuk proses pengauditan. Penyata kewangan yang diaudit dan disemak telah disahkan oleh Ketua Audit Negara melalui sijil audit yang dikeluarkan pada 22 Julai 2019 seperti di dalam Lampiran 1.

Merujuk kepada sijil audit yang dikeluarkan, Ketua Audit Negara berpendapat bahawa penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Juruukur Tanah pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991).

PRESTASI DAN PENCAPAIAN AKTIVITI UTAMA

Bagi memastikan fungsi-fungsinya dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, LJT telah membahagikan aktiviti utamanya kepada beberapa kategori untuk memastikan kelancaran operasinya. Justeru, penubuhan beberapa jawatankuasa kecil seperti yang telah disebutkan sebelum ini, telah diberi tanggungjawab dalam memantau dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti tersebut. Berikut adalah kategori aktiviti utama yang dijalankan oleh LJT:



1. Aktiviti Kawalan Ke Atas Kelayakan Profesional

Aktiviti ini meliputi:

- i. Pendaftaran Juruukur Tanah;
- ii. Perlesenan Juruukur Tanah;
- iii. Pendaftaran Orang Berartikel (*Articled Pupil*);
- iv. Peperiksaan Bahagian I, Amalan Kadaster;
- v. Peperiksaan Bahagian II, pengemukaan tugas amali;
- vi. Peperiksaan Bahagian III, peperiksaan amali dan lisan;
- vii. Mengeluarkan Sijil Kecekapan; dan
- viii. Mengeluarkan Sijil Kompetensi.

1.1. Pendaftaran Juruukur Tanah

Juruukur tanah yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh LJT boleh memohon untuk didaftarkan di LJT. Pendaftaran sebagai juruukur tanah hanya perlu dibuat sekali sahaja melainkan jika namanya telah dikeluarkan daripada daftar, juruukur tanah berkenaan perlu mendaftar semula.

PERKARA/TAHUN	2014	2015	2016	2017	2018
Bilangan Pendaftaran Baru	06	06	13	09	04

Jadual 3: Bilangan Pendaftaran Baru Juruukur Tanah

Berikut adalah senarai juruukur-juruukur tanah yang baru berdaftar dengan LJT pada tahun 2017 adalah:

Bil.	Nama	No. Daftar	Tarikh Daftar
1	Shaiful Nizar Bin Mohd Nordin	592	25.10.2018
2	Saiful Wazlan Bin Wahab	593	25.10.2018
3	Lui Shiou Hong	594	25.10.2018
4	Bernard Liew Chau Min	595	25.10.2018

1.2. Perlesenan Juruukur Tanah

Juruukur-juruukur tanah yang berdaftar dengan LJT perlu memohon lesen daripada LJT sebelum menjalankan praktis. Lesen-lesen yang telah dikeluarkan perlu diperbaharui sebelum 31 Januari setiap tahun.

PERKARA/TAHUN	2014	2015	2016	2017	2018
Bilangan Juruukur Tanah Berlesen Baru	09	09	10	09	08

Jadual 4: Bilangan Juruukur Tanah Pertama Kali Memohon Lesen

Berikut adalah senarai juruukur-juruukur tanah yang memohon lesen daripada LJT pada tahun 2018:

Bil.	Nama	Tarikh Daftar
1.	Dr Teng Chee Hua	01.01.2018
2.	Nik Ikhwan Haqim b Hanafi	02.01.2018
3.	Azhar bin Husain	08.01.2018
4.	Jasni bin A. Rahman	12.01.2018
5.	Kamaruddzaman bin Kassim	01.04.2018
6.	Ahamad bin Zakaria	08.10.2018
7.	Dr Noordin bin Ahmad	27.09.2018
8.	Teo Chee Hai	05.10.2018

Sepanjang tahun 2018, seramai 462 orang telah diwartakan oleh LJT sebagai Juruukur Tanah Berlesen.

1.3. Pendaftaran Orang Berartikel

Bagi calon-calon yang berkelayakan dan ingin mendaftar sebagai Juruukur Tanah Berdaftar, mereka perlu menjalankan artikel dibawah salah seorang JTB atau Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia untuk tempoh sekurang-kurangnya dua (2) tahun. Calon-calon perlu lulus peperiksaan yang ditetapkan serta melalui beberapa siri ujian kecekapan dan ujian lisan disepanjang tempoh artikel mereka. Calon-calon juga perlu memperbaharui pendaftaran apabila tempoh artikel mereka tamat.

PERKARA/TAHUN	2014	2015	2016	2017	2018
Bilangan Calon	97	74	87	108	93

Jadual 5: Bilangan Pendaftaran Orang Berartikel

1.4. Peperiksaan

LJT bertanggungjawab mengendalikan peperiksaan sebagai pra-syarat untuk mendapatkan kelayakan professional seperti dinyatakan pada Bahagian V, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011. Jenis peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:

1.4.1 Peperiksaan Bahagian I, Amalan Kadaster

Peperiksaan bertulis ini diduduki oleh calon-calon yang mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang ukur tanah atau geomatiks atau yang setaraf dengannya.

PERKARA/TAHUN	2014	2015	2016	2017	2018
Jumlah Calon	50	60	74	145	95
Calon Lulus	22	3	8	18	12

Jadual 6: Bilangan Calon Peperiksaan Amalan Kadaster

1.4.2 Peperiksaan Bahagian II, Pengemukaan Tugas Amali

Calon yang telah lulus ujian Amalan Kadaster dan cukup (dua) 2 tahun mendaftar sebagai Orang Berartikel dengan LJT perlu mengemukakan tujuh (7) projek amali seperti yang dinyatakan dalam Bahagian II, Jadual Kesembilan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011. Projek amali tersebut dinilai oleh pemeriksa yang dilantik oleh Lembaga.

1.4.3 Peperiksaan Bahagian III, Peperiksaan Amali dan Lisan

- Ujian Kecekapan Kerjaluar Kadaster (3K)

PERKARA/TAHUN	2014	2015	2016	2017	2018
Bilangan Sesi	1 sesi	Tiada	Tiada	1 sesi	Tiada
Jumlah Calon	3	2	4	4	4
Calon Lulus	1	Tiada	Tiada	3	Tiada

Jadual 7: Ujian Kecekapan Kerjaluar Kadaster (3K)

- Ujian Lisan (*Viva Voce*)

Calon yang menduduki Ujian Lisan (*Viva Voce*) adalah calon yang telah lulus semua ujian diatas atau calon dari kakitangan JUPEM yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun dan lulus Peperiksaan Bahagian I, Amalan Kadaster.

PERKARA/TAHUN	2014	2015	2016	2017	2018
Bilangan Sesi	5 sesi	3 sesi	6 sesi	4 sesi	1 sesi
Jumlah Calon	29	17	18	18	6
Calon Lulus	6	5	11	9	3

Jadual 8: Bilangan Calon Peperiksaan Ujian Lisan (Viva Voce)

1.5 Sijil Kecekapan (*Certificate of Competency*)

Sijil ini dikeluarkan oleh LJT kepada calon-calon berartikel yang berjaya di dalam semua ujian ditetapkan. Setelah memperolehi sijil ini calon tersebut layak untuk mendaftar sebagai Juruukur Tanah Berdaftar di LJT.

2. Aktiviti Amalan Profesional dan Pemantauan

Aktiviti ini dijalankan ke atas JTB dan dikendalikan melalui:

- i. lawatan-lawatan pemantauan oleh LJT atau mana-mana wakil yang dilantik;
- ii. sesi dialog;
- iii. perjumpaan; dan
- iv. rundingcara.

2.1 Sesi dialog berkaitan tunggakan kerja ukur

LJT telah mengadakan sesi dialog bersama JTB sejak dari tahun 2000. Ianya bertujuan bagi mengenalpasti, membincang serta menyelesaikan masalah berkaitan kerja-kerja ukur JTB yang tertunggak di seluruh negeri Semenanjung Malaysia. Turut dijemput di dalam sesi dialog tersebut adalah wakil-wakil dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) mengikut negeri kerja-kerja yang dipantau. Sehingga kini, LJT telah menganjurkan sebanyak 39 siri dialognya bersama JTB. Jadual 9 menunjukkan sesi dialog yang telah diadakan bagi tahun 2015 hingga 2018.

PERKARA/TAHUN	2015	2016	2017	2018
Bil. sesi dialog	2 sesi	2 sesi	Tiada	3 sesi
Bil. kerja ukur terlibat	1,585 kerja	4,449 kerja	Tiada	893 kerja
Bil. JTB terlibat	115 orang	80 orang	Tiada	57 orang

Jadual 9: Bilangan sesi dialog pemantauan kerja-kerja tertunggak

LJT turut mengadakan mesyuarat khusus membincangkan status kerja ukur Hutan Simpan dan kerja ukur Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang dijalankan oleh JTB dari masa ke semasa di Wisma LJT.

2.2 Aduan dan siasatan

Lembaga turut menerima aduan-aduan daripada pelbagai pihak berkaitan profesionalisme JTB. Aduan-aduan yang diterima akan dibincangkan dan disiasat di dalam Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib yang dilantik oleh Lembaga. Jadual di bawah menunjukkan bilangan aduan yang dikendalikan oleh LJT bagi tahun 2016 hingga 2018.

PERKARA/TAHUN	2016	2017	2018
Aduan Baru Diterima	6	1	4
Dalam Siasatan	4	1	1
Rundingcara	2	3	2
Tindakan Disiplin & Tatatertib	Tiada	Tiada	2
Peringatan / Teguran Pentadbiran	Tiada	Tiada	2
Kes Ditutup	Tiada	Tiada	1

Jadual 10: Bilangan Aduan dan Tindakan Yang Diambil

3. Aktiviti Pembangunan Profesional

Aktiviti ini meliputi program-program seperti:

- i. dialog dan mesyuarat bersama;
- ii. kursus dan seminar;
- iii. Program Berterusan Pembelajaran dan Pembangunan Profesional; dan
- iv. penyelidikan dan pembangunan.

3.1. Dialog dan mesyuarat bersama.

LJT telah menganjurkan majlis Perjumpaan LJT Bersama JTB yang merupakan acara tahunan bagi mengumpulkan semua JTB dalam satu majlis. Selain seminar, sesi penerangan dan makluman terkini berkaitan ukur tanah,

dalam majlis tersebut turut diadakan sesi dialog antara LJT, Persatuan Juruukur Tanah Berdaftar (PEJUTA) dan Koperasi Juruukur Tanah Berlesen Berhad (KOJUTA) dengan JTB yang hadir. Dalam sesi ini, JTB berpeluang mengutarakan pelbagai isu-isu atau pandangan bagi penambahbaikan profesion ukur keseluruhannya. Pada tahun 2018, seramai 407 orang JTB telah hadir ke majlis tersebut.

Di samping itu, LJT turut dijemput ke mesyuarat pemantauan yang dianjurkan oleh pihak-pihak jabatan kerajaan seperti JUPEM Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, JAKOA Negeri dan Pejabat Tanah dan Daerah Negeri. Pihak-pihak tersebut disarankan oleh Ketua Pengarah JUPEM agar mengambil langkah proaktif dengan mengadakan sesi dialog bersama JTB di negeri masing-masing secara berkala bagi membincang dan menyelesaikan isu-isu berkaitan pengukuran dan hakmilik tanah. Dengan cara pemantauan yang giat dijalankan disetiap negeri tersebut, progres penyelesaian kerja ukur tertunggak dilihat semakin memberansangkan kerana wujudnya kerjasama dan bantuan di antara pihak-pihak terlibat.

3.2. Kursus dan seminar

i) Kursus perisian *Civil Design & Survey* (CDS)

LJT sentiasa menggalakkan JTB supaya dapat memberikan perkhidmatan yang baik melalui penguasaan teknologi moden. Sehubungan itu, LJT telah memberikan kemudahan subsidi perisian CDS kepada juruukur-juruukur yang pertama kali mendapat lesen praktis. Dan bagi meningkatkan kemahiran penggunaan perisian tersebut, LJT telah menganjurkan kursus CDS untuk kakitangan-kakitangan JTB yang berminat.

Kursus CDS ini dijalankan dalam dua tahap. Peserta dikenakan bayaran sebanyak RM 150.00 bagi setiap tahap. Kursus tahap pertama (CDS I) diadakan selama 3 hari manakala tahap kedua (CDS II) selama 2 hari.

TAHUN	2014		2015		2016		2017		2018	
Kursus	CDS I	CDS II	CDS I	CDS II	CDS I	CDS II	CDS I	CDS II	CDS I	CDS II
Bilangan Sesi	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4
Jumlah Peserta	38	29	50	40	56	42	42	31	38	31

Jadual 11: Bilangan Kursus CDS

ii) Seminar LJT

Pada tahun 2018, LJT telah menganjurkan seminar bertajuk Sesi Penerangan Percukaian SST kepada JTB oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia. Objektif utama seminar ini adalah untuk menekankan kepentingan etika dan tanggungjawab sebagai seorang individu yang berada dalam profesion juruukur tanah di samping memastikan profesion juruukur ini sentiasa berada dalam kelas yang tersendiri. Seminar ini telah diadakan bersempena Majlis Perjumpaan LJT bersama JTB.

iii) Lain-lain Kursus

Pada tahun 2018, pihak Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA) bersama *Geospatial Science & Technology College* (GSTC) telah menganjurkan pelbagai kursus latihan kepada JTB dan kakitangan mereka. Kursus ini mendapat pembiayaan daripada LJT. Jadual 12 menunjukkan jenis-jenis kursus yang telah berjaya dijalankan oleh pihak GSTC dan PEJUTA sepanjang tahun 2018. Kursus ini

Bil.	Nama Kursus	Tempat	Tarikh	Jumlah Peserta
1	Making Your Business Plan Strategic & Transformational	Thistle Hotel Port Dickson, Negeri Sembilan	26-28 Februari 2018	22
2	<i>3D Laser Scanning</i>	Impiana Hotel Skudai & UTM Skudai, Johor	5-7 Mac 2018	17
3	Seminar Pengurusan Wasiat, Hibah, Harta Pusaka Dan Pembahagian Faraid & Penulisan Wasiat	Primula Beach Hotel Kuala Terengganu, Terengganu	16-18 April 2018	25
4	<i>Preparation Of Special Plan And Preparation Of As-Built Plan</i>	The Light Hotel Seberang Jaya, Pulau Pinang	9-10 April 2018	33
5	<i>Traffic Management Officer</i>	The Grand Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan	2-5 April 2018	30
6	<i>Building Information Modelling (BIM) For Land Surveyor: The Challenges & Opportunities</i>	Hotel Istana, Kuala Lumpur	9-11 Julai 2018	28
7	<i>Leadership High Performance: What LS Need To Know</i>	Hotel HIG, Pulau Langkawi, Kedah	23-25 Julai 2018	22
8	<i>Risk Management: Enforcement Of Your Legal Right</i>	Awana Genting Highland, Pahang	13-14 Ogos 2018	30
9	<i>Traffic Management Officer</i>	Hattern Hotel, Melaka	27-30 Ogos 2018	29
10	Perlaksanaan Akta Hakmilik Strata 1985 Dan Akta Pengurusan Strata 2015 Serta Pindaan Untuk JTB	Puteri Pacific Hotel Johor Bahru, Johor	9-11 Oktober 2018	18
11	<i>Terrestrial Laser Scanning For Building Information Modelling (BIM) And Strata Survey</i>	IOI Palm Garden, Putrajaya	24-26 September 2018	29
12	<i>Terrestrial Laser Scanning For Building Information Modelling (BIM) And Strata Survey</i>	The Light Hotel Seberang Jaya, Pulau Pinang	1-3 Oktober 2018	29

13	Akta Pengambilan Tanah 1960 (Pindaan) Pindaan Hak Milik Tanah Bawah Tanah	Imperial Heritage Hotel Melaka	15-16 Oktober 2018	30
14	<i>UAV Processing And Digital Mapping</i>	Grand Darul Makmur Hotel Kuantan, Pahang & POLISAS	29-31 Oktober 2018	31
15	<i>3D Laser Scanning</i>	Bilik Seminar GSTC	26-27 Februari 2018	16
16	<i>Preparation Of Special Plan And Preparation Of As-Built Plan</i>	Bilik Seminar GSTC	2-3 Mei 2018	31
17	<i>Niosh-Tenaga Safety Passport Level 1</i>	Bilik Seminar GSTC	19 Mac 2018	30
18	<i>Traffic Management Officer (TMO)</i>	Bilik Seminar GSTC	9-12 April 2018	30
19	<i>Tenaga Safety Passport Level 1</i>	Bilik Seminar GSTC	19 April 2018	28
20	<i>Niosh-Tenaga Safety Passport Level 1</i>	Bilik Seminar GSTC	30 Julai 2018	30
21	<i>Strata And Processing Of Strata Xml</i>	Bilik Seminar GSTC	2-4 Julai 2018	33
22	<i>UAV Data Processing And Digital Mapping</i>	Bilik Seminar GSTC	23-25 Julai 2018	29
23	<i>Niosh-Tenaga Safety Passport Level 2</i>	Bilik Seminar GSTC	6 Ogos 2018	30
24	Akta Pengambilan Tanah 1960 (Pindaan) Pindaan Hak Milik Tanah Bawah Tanah	Bilik Seminar GSTC	18-19 September 2018	25
25	<i>TLS For BIM & Strata Survey</i>	Bilik Seminar GSTC	22-24 Oktober 2018	20

Jadual 12: Kursus latihan sepanjang 2018

3.3 Program Berterusan Pembelajaran dan Pembangunan Professional (Continuous Educational and Professional Development Programme-CEPD)

JTB adalah dikehendaki untuk mengikuti program CEPD sebagai salah satu syarat untuk memperbaharui lesen praktis mereka. Sehubungan itu program-program CEPD untuk JTB telah dikendalikan dan diatur sepenuhnya oleh Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah (PEJUTA). Sebagai insentif LJT telah menyediakan peruntukan kepada PEJUTA bagi membiayai program-program tersebut. Manakala bagi juruukur tanah berdaftar khususnya pegawai-pegawai yang berkhidmat di JUPEM yang terpilih hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli untuk mengikuti program-program CEPD di luar negara. LJT menyediakan sejumlah peruntukan sebagai subsidi kepada pegawai-pegawai tersebut bagi meringankan beban kewangan mereka bagi mengikuti program CEPD di luar negara. Jadual di bawah adalah bilangan juruukur tanah yang telah menghadiri pelbagai program CEPD yang dijalankan di dalam dan diluar negara

PERKARA/TAHUN	2014	2015	2016	2017	2018
Jumlah Juruukur Tanah Berlesen	449	386	343	344	340
Jumlah Juruukur Tanah Berdaftar	100	16	25	80	51

Jadual 13: Bilangan Peserta CEPD

4. Aktiviti Pengurusan Am

Aktiviti ini dibahagikan kepada 4 bahagian yang melibatkan urusan pentadbiran harian LJT. Bahagian-bahagian tersebut diwakili oleh 4 seksyen seperti yang ditunjukkan di dalam carta organisasi LJT. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan LJT ditunjukkan melalui prestasi pengurusan kewangan dalam Rajah 4 dan Rajah 5 serta prestasi pengurusan deposit fi ukur dalam Jadual 13 dan Jadual 14 di bawah. Berikut adalah ringkasan perasnan dan tanggungjawab seksyen-seksyen tersebut:-

4.1 Seksyen Pentadbiran, Perkhidmatan dan Latihan

Seksyen ini bertanggungjawab dalam hal-hal seperti berikut:


- i. mengurus pentadbiran pejabat LJT;
- ii. mengurus bahagian sumber manusia;
- iii. mengurus kursus, latihan dan seminar LJT;
- iv. mengurus pengeluaran lesen menjalankan praktis JTB;
- v. memproses dan mengemaskini maklumat berkaitan dengan juruukur tanah berlesen;
- vi. mengurus pengeluaran perakuan pendaftaran nama firma JTB;
- vii. mengurus pemberian akreditasi program Ukur Tanah dan GIS kepada IPTA dan IPTS;
- viii. mengurus maklumat penama daripada Juruukur Tanah Berdaftar bagi tujuan pembayaran khairat kematian;
- ix. mengurus pemberian subsidi kepada JTB; dan
- x. mengurus Peperiksaan Bahagian 1, Amalan Kadaster.

4.2 Seksyen Pengurusan Kewangan, Akaun dan Harta


Seksyen ini pula bertanggungjawab dalam hal-hal seperti berikut:

- i. mengurus transaksi penerimaan dan pembayaran fi ukur;
- ii. mengurus transaksi penerimaan bagi lain-lain perkhidmatan;
- iii. mengurus transaksi pembayaran pelbagai perkhidmatan, tuntutan dan elaun;
- iv. mengurus perihal penggajian kakitangan;
- v. mengurus penyediaan penyata kewangan dan laporan tahunan;

- vi. mengurus dan mengawal selia lebihan dana yang disimpan di dalam skim simpanan yang memberi pulangan baik dan berisiko rendah;
- vii. mengurus pelaporan cukai tahunan dan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) LJT;
- viii. mengurus dan mengawal selia penyenggaraan bangunan dan harta LJT; dan
- ix. mengurus dan mengawal selia sewaan ruang pejabat Wisma LJT.



Rajah 4: Perbandingan Hasil dan Perbelanjaan Lembaga Jurukur Tanah



Rajah 5: Lebihan Hasil dan Dana Terkumpul Lembaga Jurukur Tanah

4.3 Seksyen Operasi

Berikut adalah antara urusan yang dijalankan oleh seksyen ini:

- i. menyemak dan memproses permohonan pendaftaran dan pembatalan juruukur tanah berdaftar, orang berartikel dan pembantu kerjaluar;
- ii. menguruskan dan mengemaskini rekod pendaftaran dan pembatalan juruukur tanah berdaftar, orang berartikel dan pembantu kerja luar;
- iii. mengemaskini rekod-rekod dan prestasi JTB;
- iv. menyelenggara dan menguruskan peperiksaan Bahagian II dan III Amalan Kadaster sebelum membolehkan seseorang calon menjadi juruukur tanah berdaftar;
- v. memproses dan menyemak kerja-kerja ukur samada kerja baru, tambahan atau perubahan susun atur (*layout*);
- vi. memproses pengeluaran Resit Rasmi dan Perakuan Deposit Fi Ukur bagi kerja-kerja baru, tambahan atau perubahan susun atur (*layout*);
- vii. menyemak tuntutan bayaran dan mengemaskini rekod pembayaran fi ukur;
- viii. menguruskan segala hal ehwal yang melibatkan aduan terhadap tatalaku profesional yang melibatkan Prosiding Tatatertib; dan
- ix. menjawab pertanyaan daripada juruukur, pemaju, pemilik tanah atau dari jabatan kerajaan/swasta berkenaan prosedur ukur, fi ukur, Sijil Perakuan Deposit Fi Ukur dan lain-lain yang berkaitan.

PERKARA/TAHUN	2014	2015	2016	2017	2018
Bilangan Kerja Ukur Diterima	10,753	10,548	10,665	10,127	9,935
	RM'juta	RM'juta	RM'juta	RM'juta	RM'juta
Jumlah Deposit Ukur Diterima	275.58	372.55	540.23	499.29	385.18

Jadual 14: Bilangan kerja ukur dan jumlah deposit fi ukur yang diterima

PERKARA/TAHUN	2014	2015	2016	2017	2018
Bilangan Tuntutan Kemajuan Kerja Ukur	37,343	35,826	38,556	37,135	32,600
Bilangan Tuntutan Pulangan Cukai Perkhidmatan JTB	9,685	9,640	10,115	9,797	6,653
Bilangan Tuntutan Pulangan Bayaran Ukur Kepada JTB Dan Pelanggan	125	128	179	395	166
Jumlah Bilangan Tuntutan Yang Diproses	47,153	45,594	48,850	47,327	39,419
	RM'juta	RM'juta	RM'juta	RM'juta	RM'juta
Jumlah Bayaran Tuntutan Fi Ukur Yang Terlibat	208.33	241.33	272.62	285.69	275.77

Jadual 15: Bilangan tuntutan yang diproses dan jumlah pembayaran fi ukur bagi tuntutan yang terlibat

4.4 Seksyen Sistem Maklumat

Antara tanggungjawab seksyen ini adalah menguruskan hal-hal seperti berikut:

- i. mengurus keperluan infrastruktur teknologi maklumat LJT mengikut keperluan semasa;
- ii. perolehan dan perlaksanaan projek/sistem aplikasi;
- iii. perolehan, penentuan, pemasangan dan sokongan teknikal untuk perkakasan/perisian/peralatan kepada pengguna dalaman dan luaran;
- iv. mengurus inventori perisian/perkakasan/peralatan (*peripherals*);
- v. mengurus Pusat Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Center*) LJT;
- vi. mengurus penyenggaraan dan perlesenan perkakasan/perisian termasuk penentuan pembayaran berkala seperti bil bulanan, bayaran penyenggaraan dan kontrak; dan
- vii. menjalankan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) berkaitan sistem maklumat LJT.

4.5 Seksyen Pemantauan

Lembaga telah menaiktarafkan Unit Pemantauan dibawah Seksyen Operasi sebagai Seksyen Pemantauan pada bulan Mac 2018 bagi memantapkan lagi fungsi Lembaga dalam mengawal selia prestasi kerja ukur hakmilik yang dijalankan oleh JTB. Fungsi-fungsi utama seksyen ini adalah:

- i. membuat pemantauan kemajuan kerja-kerja ukur yang telah didaftarkan di LJT berdasarkan Peraturan Juruukur Tanah Berlesen yang sedang berkuatkuasa;
- ii. memantau kerja-kerja ukur yang telah selesai kemajuan kerja di LJT tetapi Pelan Akui belum dikeluarkan dan masih dalam pertanyaan pihak JUPEM Negeri;
- iii. bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Perhutanan Negeri, Pejabat Tanah dan Galian Negeri serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di dalam mengenalpasti kerja-kerja ukur yang masih tertunggak dan belum keluarkan pelan akui;
- iv. mengendalikan sesi dialog antara LJT, JUPEM Negeri dan agensi-agensi lain dengan JTB bagi membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan tunggakan kemajuan kerja ukur JTB;
- v. mengemaskini status kemajuan kerja ukur JTB yang dipantau dan menyediakan laporan bulanan kepada Lembaga; dan
- vi. mengemaskini senarai kerja ukur dalam kategori Deposit Fi Ukur Jangka Panjang yang mana kerja ukur dikenalpasti tidak dapat disiapkan dalam tempoh 1 tahun.

Jadual di bawah menunjukkan kategori-kategori kerja-kerja ukur di dalam pemantauan seksyen ini.

KATEGORI KERJA UKUR YANG DIPANTAU	TAHUN 2018	TAHUN 2017
Kerja ukur hakmilik tanah dan strata dalam peringkat kemajuan kerja 10%	1,016 fail	1,250 fail
Kerja ukur hakmilik tanah dan strata dalam peringkat kemajuan kerja 60%	70 fail	89 fail
Kerja ukur yang disenaraikan di dalam sesi dialog siri 1 sehingga 39	3,751 fail	4,744 fail

Kerja ukur hutan simpan yang dijalankan oleh JTB yang dilantik oleh Jabatan Perhutanan	63 fail	39 fail
Kerja ukur yang dijalankan oleh JTB yang dilantik oleh JAKOA	44 fail	54 fail
Kerja ukur yang diambil alih oleh JTB yang dilantik oleh LJT	5 fail	153 fail
Kerja ukur yang dijalankan oleh JTB yang dilantik oleh JUPEM	1 fail	53 fail

Jadual 16: Bilangan fail kerja ukur dalam pemantauan

5. Aktiviti Kajian Akta, Peraturan dan Prosedur

LJT adalah badan yang bertanggungjawab dalam merangka apa-apa peraturan dan prosedur mengikut kehendak Akta dan keperluan semasa. Sehubungan itu, LJT telah mengkaji semula kadar fi ukur Jadual ke 13, Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 agar selaras dengan keperluan semasa. Kadar baharu fi ukur yang disemak semula itu telah diluluskan oleh YB Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli pada 07 Disember 2018 dan diwartakan pada 05 Mac 2019.

6. Aktiviti Perhubungan Korporat

LJT juga terlibat dalam beberapa mesyuarat bersama badan-badan pengawas, jawatankuasa dan pertubuhan lain dalam usaha meningkat dan memartabatkan profesion ukur tanah dan pemetaan di negara ini. Antara agensi dan jawatankuasa tersebut adalah:

- i. Lembaga Perancang Bandar;
- ii. Jawatankuasa Pengiktirafan Kelayakan Teknik, JPA;
- iii. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- iv. Panel Perunding, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia;
- v. Panel Perunding, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian;
- vi. Lembaga Pembangunan Industri Binaan (CIDB);
- vii. Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM);
- viii. Balai Iktisas Malaysia; dan
- ix. ASEAN Coordinating Committee on Services.

Mesyuarat bersama di antara LJT, Lembaga Juruukur Sabah, Lembaga Juruukur Tanah Sarawak, Lembaga Juruukur Tanah Brunei dan Land Surveyors Board Singapura telah diadakan di The Magellan Sutera Resort, Kota Kinabalu, Sabah pada 13 Ogos 2018.

PENUTUP

LJT sentiasa memastikan setiap aktiviti yang dirancang atau yang dianjurkan menjurus kepada prinsip asas penubuhannya iaitu membangunkan profesionalisme bidang ukur tanah dan melindungi kepentingan pihak-pihak yang terbabit dalam perkhidmatan ukur tanah. Setiap aktiviti kursus latihan dan CEPD yang dijalankan sentiasa mengambil kira senario terkini agar ia relevan dengan kehendak semasa.

Budaya ketelusan dan keterbukaan adalah amalan penting dalam sistem pengurusan LJT. Oleh yang demikian, pelbagai sesi dialog dan rundingan telah diadakan diantara LJT dan Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah (PEJUTA) yang mewakili Juruukur-Juruukur Tanah Berlesen terutamanya yang melibatkan peraturan atau prosedur baru yang hendak diperkenalkan.

Penyelesaian melalui rundingan merupakan cara yang berkesan dalam menangani isu-isu berbangkit serta aduan-aduan yang melibatkan etika kerja juruukur tanah yang berdaftar di LJT. Justeru, sepanjang tahun 2018 tiada kes yang dibawa ke mahkamah. Manakala beberapa aduan yang diterima telah diselesaikan di peringkat LJT.

Akhir sekali, LJT sentiasa mengkaji dan mengemaskini peraturan-peraturan yang sedia ada agar ianya relevan dengan keperluan semasa dan seterusnya memastikan kelancaran proses kerja-kerja ukur tanah. Selain itu, LJT juga sentiasa berusaha untuk memantapkan lagi sistem kawalan dan pemantauan profesion ukur tanah secara keseluruhannya.

PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

KANDUNGAN	M/S
Sijil Ketua Audit Negara	1-4
Maklumat Korporat	1-2
Pengakuan Oleh Pegawai Utama	3
Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah	4
Penyata Kedudukan Kewangan	5
Penyata Prestasi Kewangan	6
Penyata Perubahan Ekuiti	7
Penyata Aliran Tunai	8-9
Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar	10
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	11-27

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA JURUKUR TANAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA JURUKUR TANAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 27.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Jurukur Tanah pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di Perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Jurukur Tanah dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Lembaga Jurukur Tanah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Jurukur Tanah untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Jurukur Tanah.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Jurukur Tanah sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991) (Akta 458), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta 458 untuk disimpan oleh Lembaga Jurukur Tanah telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta 458.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 3 kepada penyata kewangan, Lembaga Jurukur Tanah telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2018 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2017. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Lembaga Jurukur Tanah pada 31 Disember 2017 dan 1 Januari 2017, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2017 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Lembaga Jurukur Tanah bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2018 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.


(NORLIZA BINTI MD. NURUDDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
22 JULAI 2019



LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

MAKLUMAT KORPORAT

- Pengerusi : **YBhg. Dato' Indera Sr Mohd Noor bin Isa**, SIMP DIMP SMP
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
(Lantikan sebagai Pengerusi tamat pada 6 Mei 2019)
- Timbalan Pengerusi : **Sr Dr. Azhari bin Mohamed**, AMN PJK
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
(Lantikan sebagai Timbalan Pengerusi berkuatkuasa pada 20 Jun 2019)
- Sr John Elvis Koh**, SIS PPT
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II
(Lantikan sebagai Timbalan Pengerusi berkuatkuasa pada 23 Januari 2019)
(Lantikan sebagai Timbalan Pengerusi tamat pada 19 Jun 2019)
- Sr Haji Mohamad Kamali bin Adimin**
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
(Lantikan sebagai Timbalan Pengerusi tamat pada 14 Januari 2019)
- Ahli-ahli Lembaga : **Sr Anual bin Aziz**
Pengarah Ukur Kedah
(16 Julai 2018 - 15 Julai 2020)
- YBhg. Dato' Sr Syed Mohamad Nasir bin Dato' Syed Tahir**, DSTM
Juruukur Tanah Berlesen
(16 Julai 2018 - 15 Julai 2020)
- Sr Hj Sirajudin bin Hj Ahmad**
Juruukur Tanah Berlesen
(16 Julai 2018 - 15 Julai 2020)
- Sr Leong Heng Chee**
Juruukur Tanah Berlesen
(16 Julai 2018 - 15 Julai 2020)
- Ahli-ahli Lembaga yang tamat perkhidmatan.
: **YBhg. Dato' Sr Dr. Hj Md Said @ Mohd Zaid bin Abdullah**, DPMT
Juruukur Tanah Berlesen
(1 Oktober 2017 – 31 Mac 2018)

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

MAKLUMAT KORPORAT (sambungan)

Ahli-ahli Lembaga yang tamat perkhidmatan (sambungan).

: **YB Datuk Sr Hj Md Alwi bin Hj Che Ahmad**, PGDK,JSM,AMN

Juruukur Tanah Berlesen

(1 Oktober 2016 – 15 Julai 2018)

Sr Sivanesan a/l Subramaniam

Juruukur Tanah Berlesen

(1 Oktober 2016 – 15 Julai 2018)

Sr Ahmad Azman bin Ghazali, BCN,AMN

Pengarah Ukur Pulau Pinang

(24 Mei 2017 - 15 Julai 2018)

Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif : **Sr Ismail bin Harun**

Juruaudit : **Ketua Audit Negara
Malaysia**

Pejabat Berdaftar : **Aras 5 - 7, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur
Tel: 03-41085191 Faks: 03-41085178**

Bank-bank : **CIMB Bank Berhad, Taman Melawati
Standard Chartered Bank Malaysia Berhad, Kuala Lumpur
Hong Leong Bank Berhad, Taman Melawati
Maybank, Taman Setiawangsa Kuala Lumpur**


**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA**

Saya, NORIZAN BINTI ZULKARNAINI pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Kuala Lumpur)
pada **11 JUL 2019**)
.....)



Di hadapan saya



PESURUH JAYA SUMPAAH



NO.8A, LORONG SELANGOR
OFF JALAN BANDAR 3
TAMAN MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR

**PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH
LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA**

Kami SR DR. AZHARI BIN MOHAMED dan SR HJ SIRAJUDIN BIN AHMAD yang merupakan Timbalan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan didalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.


Bagi pihak Lembaga,



NAMA: SR DR. AZHARI BIN MOHAMED
AMN PJK
Timbalan Pengerusi

TARIKH: 12.07.2019
TEMPAT: Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,



NAMA: SR HJ SIRAJUDIN BIN AHMAD
Ahli Lembaga

TARIKH: 12.07.2019
TEMPAT: Kuala Lumpur

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
<u>ASET SEMASA</u>			
Pelbagai penghutang	4	23,040,487	20,927,256
Inventori	5	33,250	46,550
Aset cukai tertunda	6	1,262,071	794,922
Tunai, baki dibank dan simpanan tetap		1,412,686,241	1,293,935,559
Pelaburan jangka pendek	7	119,803,370	120,028,508
Simpanan jangka pendek	8	27,240,772	50,910,826
Jumlah Aset Semasa		1,584,066,191	1,486,643,621
<u>ASET BUKAN SEMASA</u>			
Hartanah, loji dan peralatan	9	50,294,662	50,929,036
Aset tidak ketara	10	47,024	71,738
Pelaburan jangka panjang	11	4,895,329	4,995,154
Simpanan jangka panjang	8	57,538,113	36,253,518
Jumlah Aset Bukan Semasa		112,775,128	92,249,446
JUMLAH ASET		1,696,841,319	1,578,893,067
<u>LIABILITI SEMASA</u>			
Deposit fi ukur jangka pendek	12	1,390,872,503	1,296,014,666
Pelbagai pemiutang	13	11,666,584	7,808,432
Pendahuluan pelbagai yuran	14	229,200	226,000
Peruntukan cukai		565,020	2,504,165
Jumlah Liabiliti Semasa		1,403,333,307	1,306,553,263
<u>LIABILITI BUKAN SEMASA</u>			
Deposit fi ukur jangka panjang	12	37,300,653	29,503,995
Manfaat kakitangan	15	1,836,493	1,610,287
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		39,137,146	31,114,282
JUMLAH LIABILITI		1,442,470,453	1,337,667,545
ASET BERSIH		254,370,866	241,225,522
<u>EKUITI</u>			
Lebihan Hasil Terkumpul		254,370,866	241,225,522

Nota-nota di muka surat 11 hingga 27 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
HASIL			
Hasil Bukan Pertukaran	16	7,697,866	9,711,842
Hasil Pertukaran	16	61,077,466	52,490,958
		68,775,332	62,202,800
PERBELANJAAN			
Aktiviti Pengurusan Am	17	13,496,667	11,082,453
Aktiviti Pembangunan Profesional	18	31,013,248	21,642,324
Aktiviti Perhubungan Korporat	19	2,570,591	3,505,218
Aktiviti Kelayakan Profesional	20	43,934	66,056
Aktiviti Amalan Profesional dan Pemantauan	21	115,388	1,574,099
Aktiviti Kajian Akta, Peraturan dan Prosedur	22	90,381	38,264
		47,330,209	37,908,414
LEBIHAN HASIL SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT		21,445,123	24,294,386
Cukai	23	4,298,779	5,762,736
Zakat		4,001,000	1,066,000
LEBIHAN HASIL SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT		13,145,344	17,465,650

Nota-nota di muka surat 11 hingga 27 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018	2017
	RM	RM
LEBIHAN HASIL TERKUMPUL		
Baki pada 1 Januari	241,225,522	223,759,872
Lebihan hasil selepas cukai dan zakat	13,145,344	17,465,650
Baki pada 31 Disember	<u>254,370,866</u>	<u>241,225,522</u>

Nota-nota di muka surat 11 hingga 27 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018	2017
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan hasil sebelum cukai dan zakat	21,445,123	24,294,386
Pelarasan untuk:		
Faedah simpanan tetap diterima	(55,630,588)	(46,579,348)
Pendapatan dari pelaburan	-	(90,127)
Kenaikan nilai pasaran pelaburan	-	(277,090)
Dividen diterima	(4,810,150)	(4,825,744)
Pelbagai pelarasan pendapatan	-	(13,533)
Pelbagai pelarasan perbelanjaan	-	145,304
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	1,293,810	1,277,615
Pelunasan aset tidak ketara	37,768	53,767
Yuran terimaan/pengurusan dan GST dana ITA-IRB	549,293	391,467
Rosot nilai pasaran pelaburan	99,825	-
Keuntungan dari operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	(37,014,919)	(25,623,303)
Peningkatan dalam penghutang	(27,045)	(237,606)
(Peningkatan)/Penurunan inventori	13,300	49,950
Peningkatan dalam deposit fi ukur	94,857,837	205,511,684
Peningkatan atas pelbagai pemiutang	3,858,152	2,309,952
Peningkatan/(Penurunan) atas pendahuluan pelbagai yuran	3,200	(1,600)
Tunai diperolehi daripada operasi	61,690,525	182,009,077
Pembayaran cukai	(6,705,073)	(4,448,479)
Pembayaran zakat	(4,001,000)	(1,066,000)
Faedah simpanan tetap diterima	49,350,629	35,763,063
Faedah diterima	1,119,113	1,079,016
Tunai bersih daripada aktiviti operasi	101,454,194	213,336,677

Nota-nota di muka surat 11 hingga 27 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

	2018	2017
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pelarasan simpanan jangka panjang (matang < 1 tahun)	(19,855,003)	38,883,442
Pelarasan faedah simpanan jangka panjang	1,095,775	2,374,803
Pendapatan pelaburan	-	90,127
Dividen diterima	4,810,150	4,825,744
Pembelian aset tidak ketara	(13,054)	(78,364)
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(659,436)	(330,494)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(14,621,568)	45,765,258
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Peningkatan manfaat kakitangan	226,206	159,457
(Penurunan)/Peningkatan deposit fi ukur jangka panjang	7,796,658	(3,695,758)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	8,022,864	(3,536,301)
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	94,855,490	255,565,634
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	1,464,874,893	1,209,309,259
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	1,559,730,383	1,464,874,893
 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai, baki dibank dan simpanan tetap	1,412,686,241	1,293,935,559
Pelaburan jangka pendek	119,803,370	120,028,508
Simpanan jangka pendek	27,240,772	50,910,826
	1,559,730,383	1,464,874,893

Nota-nota di muka surat 11 hingga 27 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	JUMLAH BAJET		JUMLAH Sebenar	VARIAN BAJET Bajet Akhir - Sebenar
	Asal	Akhir		
	RM	RM	RM	RM
PENERIMAAN				
Caj Pentadbiran	8,000,000	8,000,000	7,392,066	607,934
Yuran Pendaftaran, Perlesenan dan Peperiksaan	330,000	330,000	305,800	24,200
Faedah Akaun Simpanan Tetap dan Semasa	49,545,000	49,545,000	55,630,588	(6,085,588)
Sewaan Diterima	1,000,000	1,000,000	616,028	383,972
Dividen Diterima	2,000,000	2,000,000	4,810,150	(2,810,150)
Lain-lain Pendapatan	6,050,000	6,050,000	20,700	6,029,300
	66,925,000	66,925,000	68,775,332	(1,850,332)
PEMBAYARAN				
Aktiviti Pengurusan Am				
Emolumen	7,115,000	7,115,000	6,301,755	813,245
Perkhidmatan dan Bekalan	2,519,000	3,749,000	3,555,220	193,780
Perbelanjaan Penyenggaraan Bangunan Wisma LJT	1,866,000	1,566,000	1,328,880	237,120
Perbelanjaan Pembangunan	1,000,000	1,000,000	979,234	20,766
Perbelanjaan cukai dan zakat	4,900,000	8,300,000	8,299,779	221
Perolehan Aset	1,340,000	840,000	659,436	180,564
Aktiviti Pembangunan Professional	32,791,000	32,016,000	31,013,248	1,002,752
Aktiviti Perhubungan Korporat	5,100,000	3,030,000	2,570,591	459,409
Aktiviti Kelayakan Professional	110,000	120,000	43,934	76,066
Aktiviti Amalan Professional dan Pemantauan	1,125,000	130,000	115,388	14,612
Aktiviti Kajian Akta, Peraturan dan Prosedur	120,000	120,000	90,381	29,619
	57,986,000	57,986,000	54,957,846	3,028,154
PENERIMAAN BERSIH	8,939,000	8,939,000	13,817,486	(4,878,486)

Nota-nota di muka surat 11 hingga 27 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1) MAKLUMAT AM

Lembaga Jurukur Tanah, Malaysia (Lembaga) adalah sebuah organisasi yang tidak bermotifkan keuntungan yang diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Semakan 1991). Fungsi utama Lembaga adalah mengawal dan mengatur pendaftaran dan perlesenan juruukur tanah. Lembaga juga mengawal selia prestasi kerja-kerja ukuran hakmilik yang dijalankan oleh juruukur-juruukur tanah berlesen. Selain itu, Lembaga juga bertanggungjawab mengurus selia kutipan dan pembayaran bagi fi ukur, yuran-yuran perlesenan dan pendaftaran berdasarkan peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011.

2) DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

2.1 Asas penyediaan

Akaun-akaun Lembaga telah disediakan dengan mematuhi piawaian *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)* yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

2.2 Hartanah, loji dan peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan dinilai pada kos yang disusutnilai. Tanah hakmilik kekal dan kerja dalam pembangunan tidak disusutnilai tetapi tertakluk kepada ujian rosot nilai (*impairment*) jika terdapat tanda-tanda rosot nilai (*impairment*) yang nyata.

Susutnilai atas hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus yang berasaskan anggaran hayat kegunaan aset yang berkenaan. Berikut adalah kadar susut nilai tahunan yang dikenakan atas hartanah, loji dan peralatan Lembaga:

	Kadar susut nilai
Tanah hakmilik kekal	-
Bangunan	2%
Perabot dan kelengkapan	20%
Peralatan pejabat, bangunan dan elektrik	20%
Peralatan komputer	33.33%
Kenderaan	20%
Peralatan ukur dan alat latihan ukur tanah	20%

Untuk peralatan pegangan pajak, pelunasan dikira mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan tersebut. Keuntungan dan kerugian ke atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan keuntungan dengan nilai dibawa dan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan. Manakala kos-kos pembaikan dan penyenggaraan dicajkan kepada penyata pendapatan dalam tahun kewangan di mana mereka direkodkan.

2.3 Aset tidak ketara

Kos-kos yang berkait secara langsung dengan produk perisian yang boleh dikenal pasti dan unik yang dikawal oleh Lembaga, yang mungkin menjana faedah ekonomi yang melebihi kos lebih dari setahun, diiktiraf sebagai aset tidak ketara. Pelunasan dikira menggunakan kaedah garis lurus pada kadar 33.33% setahun tertakluk kepada pengurangan nilai.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2) DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (Sambungan)

2.4 Aset-aset kewangan

Aset-aset kewangan dikelaskan dalam kategori berikut pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan belum terima serta tersedia-untuk-dijual. Pihak pengurusan menentukan pengelasan aset-aset kewangan pada permulaan pengiktirafan berdasarkan kepada jenis aset dan tujuan aset itu diperolehi.

2.4.1 Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah aset kewangan yang dipegang untuk didagangkan. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini sekiranya ia diperolehi, dari segi prinsipnya, adalah bagi tujuan untuk dijual dalam jangka pendek.

Aset dalam kategori ini dikelaskan sebagai aset semasa. Aset kewangan dibawa pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian pada permulaannya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urus niaga dicaj kepada Penyata Pendapatan.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam tempoh di mana perubahan timbul.

2.4.2 Pinjaman dan pelbagai penghutang

Pinjaman dan pelbagai penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan, yang tidak disebut harga dalam pasaran yang aktif. Pinjaman dan belum terima ini termasuk dalam aset semasa, melainkan bagi kematangan melebihi 12 bulan selepas berakhirnya tempoh pelaporan. Pinjaman dan pelbagai penghutang ini dikelaskan sebagai aset bukan semasa.

Pinjaman dan pelbagai penghutang Lembaga terdiri daripada pelbagai penghutang bukan semasa, pelbagai penghutang perdagangan dan lain-lain serta tunai dan baki bank dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pinjaman dan pelbagai penghutang diukur pada nilai saksama termasuk kos urus niaga pada permulaan dan berikutnya, pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Apabila pinjaman dan pelbagai penghutang terjejas, amaun dibawa aset berkenaan dikurangkan dan amaun kerugian diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

Kerugian pengurangan nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset tersebut dan nilai kini bagi anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit pada masa hadapan yang belum ditanggung) terdiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset berkenaan.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2) DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (Sambungan)

2.4 Aset-aset kewangan (sambungan)

2.4.3 Aset kewangan tersedia-untuk-dijual

Aset kewangan tersedia-untuk-dijual adalah aset kewangan bukan derivatif yang sama ada ditetapkan dalam kategori ini atau tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori lain. Ia termasuk dalam aset bukan semasa kecuali pelaburan tersebut matang atau pihak pengurusan berhasrat untuk melupuskannya dalam tempoh 12 bulan dari akhir tempoh pelaporan.

Aset-aset ini pada awalnya diukur pada nilai saksama termasuk kos urus niaga dan berikutnya, pada nilai saksama.

Perubahan dalam nilai saksama pelaburan tersedia-untuk-dijual diiktiraf dalam pendapatan keseluruhan lain. Apabila aset kewangan tersedia-untuk-dijual telah dijual, pelarasan nilai saksama terkumpul yang diiktiraf dalam pendapatan keseluruhan lain dikelaskan semula dalam Penyata Pendapatan.

2.4.4 Mengimbangi instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dibentangkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila terdapatnya hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi amaun yang diiktiraf dan terdapatnya hasrat untuk pelunasan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan melunaskan liabiliti secara serentak.

2.5 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai dan baki di bank, simpanan tetap di bank-bank dan institusi-institusi kewangan berlesen dan pelaburan-pelaburan jangka pendek lain yang berkecairan tinggi dengan tempoh matang asal 12 bulan atau kurang. Deposit dipegang sebagai sekuriti sandaran untuk pinjaman bertempoh yang diberikan, tidak diambil kira sebagai tunai dan kesetaraan tunai.

2.6 Liabiliti kewangan

Pelbagai pemiutang, deposit fi ukur dan peminjaman dikelaskan sebagai liabiliti kewangan lain. Kesemuanya diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

2.6.1 Pelbagai pemiutang

Pelbagai pemiutang adalah obligasi untuk membayar barangan dan perkhidmatan yang diperoleh daripada pembekal-pembekal dalam urusan biasa perniagaan. Akaun pelbagai pemiutang dikelaskan sebagai liabiliti semasa sekiranya pembayaran perlu dibuat dalam tempoh setahun atau kurang dari setahun (atau dalam kitaran pengendalian biasa perniagaan jika lebih lama). Sebaliknya, ia akan dibentangkan sebagai liabiliti bukan semasa.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2) DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (Sambungan)

2.6 Liabiliti kewangan (sambungan)

2.6.2 Deposit fi ukur

Deposit fi ukur adalah bayaran fi ukur bagi kerja ukur yang didepositkan oleh pelanggan-pelanggan juruukur tanah berlesen kepada Lembaga sebelum kerja-kerja ukur dijalankan berdasarkan kepada Perenggan 26 Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011. Tuntutan terhadap deposit fi ukur tersebut oleh juruukur-juruukur tanah yang berkenaan boleh dibuat pada bila-bila masa dan tertakluk kepada Perenggan 28 Peraturan yang sama. Sehubungan itu deposit tersebut diiktiraf pada nilai ia berbaki dan seterusnya diukur pada baki yang tertunggak tanpa didiskaunkan.

Deposit ini dikelaskan sebagai liabiliti semasa kecuali jika dimaklumkan oleh juruukur tanah berlesen yang berkenaan bahawa kerja ukur tersebut tidak akan dituntut dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pelaporan. Deposit yang telah dikenalpasti itu akan dibentangkan sebagai liabiliti bukan semasa.

2.7 Pengiktirafan hasil

2.7.1 Caj pentadbiran

Caj pentadbiran diiktiraf sebagai hasil Lembaga berdasarkan Perenggan 26 (7)(a) dan Perenggan 28 Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011. Caj ini dikira pada kadar 2% daripada jumlah deposit fi ukur yang didepositkan kepada Lembaga.

2.7.2 Yuran pendaftaran, perlesenan dan peperiksaan

Yuran-yuran tersebut di atas diiktiraf sebagai hasil atas dasar akruan.

2.7.3 Lain-lain pendapatan

Hasil kendalian meliputi nilai saksama pertimbangan yang diterima atau akan diterima bagi penyediaan perkhidmatan. Hasil kendalian diiktiraf atau diakru semasa penyediaan perkhidmatan, apabila amaun hasil boleh diukur dengan pasti dan manfaat ekonomi masa hadapan berkemungkinan akan mengalir kepada Lembaga. Pendapatan dividen daripada pelaburan-pelaburan diiktiraf dalam 'pendapatan' apabila hak untuk menerima bayaran adalah pasti. Pendapatan pembiayaan termasuk pendapatan daripada deposit di bank-bank berlesen, institusi-institusi kewangan lain, deposit lain, belum terima tersedia-untuk-dijual dan pinjaman tanpa faedah, diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan.

2.8 Manfaat kakitangan

2.8.1 Manfaat kakitangan jangka pendek

Gaji, upah, bonus dan caruman kepada institusi keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan Lembaga pada tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja manakala ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2) DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (Sambungan)

2.8 Manfaat kakitangan (sambungan)

2.8.2 Pelan caruman tetap

Lembaga membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan diakaunkan di dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang berkenaan. Lembaga tidak mempunyai tanggungan untuk lain-lain bayaran sebaik sahaja pembayaran sumbangan dibuat.

2.8.3 Manfaat selepas tamat perkhidmatan

a) Gratuiti

Ganjaran berupa bayaran gratuiti diperuntukkan oleh Lembaga bagi kakitangan yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Lembaga. Jumlah gratuiti dikira berdasarkan gaji terakhir didarabkan dengan jumlah bulan perkhidmatan dan dibahagi 20. Peruntukan tahunan bagi ganjaran tersebut dikira berdasarkan gaji semasa kakitangan dan akan diakaunkan dalam penyata pendapatan bagi tempoh yang berkenaan.

b) Gantian Cuti Rehat (GCR)

Cuti tahunan yang tidak digunakan pada tahun semasa boleh dikumpulkan di dalam tabungan GCR tertakluk kepada maksimum 15 hari setahun dan terhad kepada 150 hari jumlah cuti terkumpul. GCR ini dikira berdasarkan gaji bulanan terakhir didarabkan dengan jumlah cuti terkumpul dan dibahagi 30. Peruntukan tahunan bagi GCR ini dikira berdasarkan gaji semasa kakitangan dan sebarang lebihan atau kekurangan akan diakaunkan dalam penyata pendapatan bagi tempoh yang berkenaan. GCR tersebut hanya akan dibayar sepenuhnya apabila kakitangan tersebut tamat perkhidmatan.

2.9 Cukai ke atas hasil

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang percukaian Malaysia dan termasuk semua cukai yang berdasarkan keuntungan yang boleh dikenakan cukai.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya menggunakan kaedah liabiliti, bagi perbezaan sementara yang timbul di antara amaun yang berpunca dari aset dan liabiliti bagi tujuan percukaian dan amaun yang dibawa di dalam penyata-penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya apabila adanya kemungkinan yang keuntungan boleh cukai akan dihasilkan yang darinya perbezaan sementara yang boleh ditolak atau kerugian-kerugian cukai yang tidak terpakai boleh digunakan.

Kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besar telah diwartakan oleh tarikh lembaran imbang adalah digunakan untuk mengira cukai tertunda.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2) DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (Sambungan)

2.10 Lain-lain peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Lembaga mempunyai obligasi semasa secara sah atau konstruktif, kesan daripada peristiwa lampau yang berkemungkinan memerlukan aliran keluar sumber bagi menjelaskan obligasi tersebut, dan apabila anggaran yang pasti berhubung dengan amaun tersebut boleh dibuat.

Jika Lembaga menjangka sesuatu peruntukan akan dibayar balik, pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik tersebut adalah benar-benar pasti. Peruntukan tidak diiktiraf bagi kerugian operasi masa hadapan.

Jika terdapat beberapa obligasi yang serupa, kemungkinan aliran keluar yang akan diperlukan untuk sesuatu penjelasan ditentukan dengan mempertimbangkan kelas obligasi secara menyeluruh. Peruntukan diiktiraf walaupun kemungkinan aliran keluar berhubung dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam sesuatu kelas obligasi yang sama adalah kecil.

Peruntukan ditentukan pada nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan bagi menjelaskan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang mencerminkan taksiran pasaran semasa tentang nilai masa wang dan risiko khusus terhadap obligasi tersebut.

Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos pembiayaan.

2.11 Maklumat bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas akrual selari dengan penyediaan penyata kewangan. Bajet perbelanjaan adalah tidak termasuk anggaran susut nilai dan pelunasan kos. Bajet akan dibentang dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Harta dan seterusnya akan diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga.

Bajet tahunan akan disemak semula secara berkala dengan membandingkan pendapatan dan perbelanjaan semasa. Pelarasan akan dibuat dengan mengagihkan semula peruntukan perbelanjaan sekiranya peruntukan yang telah dibajetkan tidak selari dengan perbelanjaan sebenar semasa. Pelarasan bajet ini akan dibentang dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Harta dan seterusnya diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga. Lembaga akan memastikan pelarasan bajet tidak mengubah jumlah keseluruhan bajet asal.

Sekiranya terdapat keperluan untuk tambahan atau pengurangan pada jumlah keseluruhan bajet asal, penambahan atau pengurangan bajet tahunan tersebut akan dibentang dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Harta dan seterusnya diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3) PERALIHAN KEPADA RANGKAKERJA MPSAS YANG BAHARU.

Pada tahun berakhir pada 31hb Disember 2018, Lembaga telah menggunakan piawaian baharu Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS). Tarikh peralihan daripada piawaian Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) kepada piawaian baharu MPSAS ini adalah pada 1hb Januari 2017. Penggunaan piawaian baharu MPSAS ini menghendaki semua piawaian di dalam MPSAS digunakan dalam penyata kewangan untuk tahun berakhir pada 31hb Disember 2018, penyata kewangan perbandingan bagi tahun berakhir pada 31hb Disember 2017 dan penyata pembukaan bagi kedudukan kewangan pada tarikh peralihan MPSAS.

3.1 Persembahan mengikut standard di dalam MPSAS 1

Peralihan rangkakerja MPSAS hanya melibatkan persembahan penyata kewangan mengikut keperluan standard di dalam MPSAS. Ini kerana asas perakaunan Lembaga menggunakan piawaian MPERS adalah berasaskan perakaunan terakru. Lembaga berpendapat ia adalah setara dengan asas perakaunan terakru di dalam MPSAS. Oleh itu tiada pelarasan secara retrospektif dibuat bagi penyata kewangan Lembaga.

3.2 MPSAS 24 - Persembahan maklumat bajet di dalam penyata kewangan

Standard MPSAS 24 telah digunakan dalam persembahan penyata kewangan Lembaga bagi tahun berakhir 31hb Disember 2018.

Lembaga telah menyediakan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar mulai penyata kewangan bagi tahun berakhir 31hb Disember 2018.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

4) PELBAGAI PENGHUTANG

	2018	2017
	RM	RM
Faedah simpanan tetap terakru	22,319,743	20,233,557
Dividen pelaburan belum terima	310,652	300,970
Lain-lain penghutang	378,185	361,033
Pra-bayar	30,407	30,196
Lain-lain deposit	1,500	1,500
	23,040,487	20,927,256

5) INVENTORI

	2018	2017
	RM	RM
Perisian CDS	33,250	46,550
	33,250	46,550

6) ASET CUKAI TERTUNDA

	2018	2017
	RM	RM
Pada 1 Januari	794,922	637,226
Aset cukai tertunda dikenalpasti tahun semasa	467,149	157,696
Pada 31 Disember	1,262,071	794,922

	2018	2017
	RM	RM

Aset cukai tertunda terdiri daripada yang berikut:

Nilai buku bersih layak ke atas aset tetap	1,181,953	1,011,327
Tolak: "Tax written down value" aset tetap	(2,026,886)	(1,007,378)
"Taxable temporary differences"	(844,933)	3,949
Tolak: Elaun modal tidak serap	(4,413,698)	(3,316,127)
Jumlah Perbezaan	(5,258,631)	(3,312,178)

Kadar cukai 24% (2017:24%) atas jumlah perbezaan	1,262,071	794,922
--	------------------	----------------

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

7) PELABURAN JANGKA PENDEK

	2018	2017
	RM	RM
Pada 1 Januari	120,028,508	184,971,896
Tambahan pelaburan	-	32,000,000
Dividen dilabur semula	-	42,226
Pelarasan kenaikan/(rosot) nilai pasaran pelaburan	(225,138)	159,946
Pelaburan ditebus semula	-	(97,145,560)
Pada 31 Disember	119,803,370	120,028,508

Nilai saksama pelaburan diukur berdasarkan harga pasaran pada 31 Disember di pasaran aktif.

8) SIMPANAN JANGKA PENDEK / JANGKA PANJANG

Pihak Lembaga telah membuat simpanan di Amanah Raya Berhad yang mempunyai tempoh matang selama 36 bulan (3 tahun). Simpanan pokok dan pulangan bersih adalah dijamin pada tarikh matang. Simpanan tersebut menawarkan pulangan kasar antara 4.25% hingga 4.40% setahun. Berikut adalah jumlah simpanan tersebut:

8.1 SIMPANAN JANGKA PENDEK

	2018	2017
	RM	RM
Pada 1 Januari	50,910,826	10,942,930
Pindaan dari simpanan jangka panjang	27,240,772	50,910,826
Faedah bersih tahun semasa	640,972	221,693
Simpanan diperbaharui	(46,000,000)	(10,000,000)
Faedah diterima daripada simpanan matang	(5,551,798)	(1,164,623)
Pada 31 Disember	27,240,772	50,910,826

8.2 SIMPANAN JANGKA PANJANG

	2018	2017
	RM	RM
Pada 1 Januari	36,253,518	74,105,089
Simpanan diperbaharui	46,000,000	10,000,000
Faedah bersih tahun semasa	2,525,367	3,059,255
Pindaan ke simpanan jangka pendek (matang < 1 tahun)	(27,240,772)	(50,910,826)
Pada 31 Disember	57,538,113	36,253,518

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

9) HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	TANAH HAKMILIK KEKAL	BANGUNAN	PERABOT DAN KELENGKAPAN	PERALATAN PEJABAT, BANGUNAN DAN ELEKTRIK	PERALATAN KOMPUTER	KENDERAAN	PERALATAN UKUR & ALAT LATIHAN UKUR TANAH	JUMLAH
KOS	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2018	17,700,000	40,625,461	1,519,149	870,369	1,306,936	304,969	1,134,624	63,461,508
Tambahan			70,000	14,080	575,356			659,436
Pada 31 Disember 2018	17,700,000	40,625,461	1,589,149	884,449	1,882,292	304,969	1,134,624	64,120,944
SUSUT NILAI TERKUMPUL								
Pada 1 Januari 2018	-	8,374,931	1,301,216	747,445	1,144,011	187,408	777,461	12,532,472
Susut nilai		812,508	163,302	42,085	98,196	60,995	116,724	1,293,810
Pada 31 Disember 2018	-	9,187,439	1,464,518	789,530	1,242,207	248,403	894,185	13,826,282
NILAI BAWAAN								
Pada 31 Disember 2018	17,700,000	31,438,022	124,631	94,919	640,085	56,566	240,439	50,294,662
Pada 31 Disember 2017	17,700,000	32,250,530	217,933	122,924	162,925	117,561	357,163	50,929,036

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

10) ASET TIDAK KETARA	2018	2017
	RM	RM
KOS		
Pada 1 Januari	571,534	493,170
Tambahan	13,054	78,364
Pada 31 Disember	<u>584,588</u>	<u>571,534</u>
 PELUNASAN		
Pada 1 Januari	499,796	446,029
Pelunasan kos	37,768	53,767
Pada 31 Disember	<u>537,564</u>	<u>499,796</u>
 Nilai bawaan pada 31 Disember	<u><u>47,024</u></u>	<u><u>71,738</u></u>
 11) PELABURAN JANGKA PANJANG	2018	2017
	RM	RM
Pada 1 Januari	4,995,154	4,874,491
Pelarasan (penurunan)/kenaikan nilai pasaran pelaburan	(99,825)	120,663
Pada 31 Disember	<u><u>4,895,329</u></u>	<u><u>4,995,154</u></u>

Nilai saksama pelaburan diukur berdasarkan harga pasaran pada 31 Disember di pasaran aktif. Pelaburan tersebut adalah dibawah skema pelaburan yang melindungi pelaburan pokok pada tarikh matang.

12) DEPOSIT FI UKUR	2018	2017
	RM	RM
Deposit fi ukur bagi kerja-kerja dalam kemajuan	1,428,173,156	1,325,518,661
Tolak: Deposit fi ukur jangka panjang	(37,300,653)	(29,503,995)
	<u><u>1,390,872,503</u></u>	<u><u>1,296,014,666</u></u>

Deposit fi ukur dibayar pada bila-bila masa tuntutan dibuat oleh Juruukur Tanah Berlesen secara teratur mengikut Perenggan 28 Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 dan tanpa faedah.

Termasuk didalam deposit fi ukur tersebut adalah terimaan deposit dari tahun 2009 hingga 2017 yang tidak dikenal pasti pendepositnya kerana tiada borang LJT disertakan dan pendeposit tidak menghubungi LJT. Lembaga telah mendapatkan bantuan daripada pihak bank untuk maklumat terimaan tersebut dan ia masih dalam semakan dibank.

	2018	2017
	RM	RM
Jumlah transaksi	727,980	2,608,989
Bilangan transaksi	84	117

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

12) DEPOSIT FI UKUR(sambungan)

12.1 DEPOSIT FI UKUR JANGKA PANJANG

Mulai tahun 2010, Lembaga telah memutuskan untuk mengasingkan kerja-kerja ukur yang telah lama didaftarkan di Lembaga dan tidak dapat dijalankan dalam tempoh 12 bulan akan datang. Ini adalah kerja-kerja ukur yang mana pihak Juruukur Tanah Berlesen tidak bercadang untuk menutup kerja-kerja tersebut tetapi mengambil keputusan untuk menangguhkan penyiapan kerja-kerja tersebut atas sebab-sebab yang tertentu.

13) PELBAGAI PEMIUTANG

	2018	2017
	RM	RM
Bayaran Terakru	11,651,170	7,568,327
Yuran audit	11,214	10,905
Agihan semula zakat	-	225,000
Deposit sewaan dewan	4,200	4,200
	11,666,584	7,808,432
	11,666,584	7,808,432

14) PENDAHULUAN PELBAGAI YURAN

	2018	2017
	RM	RM
Pendahuluan Yuran Lesen Juruukur Tanah	229,000	226,000
Pendahuluan Yuran Peperiksaan Bahagian 1	200	-
	229,200	226,000
	229,200	226,000

15) MANFAAT KAKITANGAN

	2018	2017
	RM	RM
Pada 1 Januari		
Peruntukan Gratuiti	1,508,610	1,394,702
Peruntukan GCR	101,677	56,128
	1,610,287	1,450,830
Peruntukan tahun semasa		
Peruntukan Gratuiti	171,541	167,654
Bayaran Gratuiti	-	(53,746)
Peruntukan GCR	54,665	45,549
	226,206	159,457
Peruntukan sehingga 31 Disember		
Peruntukan Gratuiti	1,680,151	1,508,610
Peruntukan GCR	156,342	101,677
	1,836,493	1,610,287
	1,836,493	1,610,287

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

16) HASIL	2018	2017
	RM	RM
16.1 HASIL BUKAN PERTUKARAN		
Caj pentadbiran	7,392,066	9,414,342
Yuran pendaftaran dan perlesenan	269,000	264,500
Yuran peperiksaan	36,800	33,000
16.2 HASIL PERTUKARAN		
Faedah simpanan tetap	55,630,588	46,579,348
Dividen diterima	4,810,150	4,825,744
Pendapatan dari pelaburan	-	90,127
Kenaikan nilai pasaran pelaburan	-	277,090
Sewaan	616,028	676,249
Yuran kursus komputer CDS	10,050	10,359
Yuran kursus amalan ikhtisas	8,500	12,000
Lain-lain pendapatan	2,150	20,041
	68,775,332	62,202,800
17) PERBELANJAAN AKTIVITI PENGURUSAN AM	2018	2017
	RM	RM
17.1 EMOLUMEN	6,301,755	5,451,001
17.2 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Elaun-elaun, perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan mesyuarat jawatankuasa	980,777	583,158
Perbelanjaan pos, talian telefon dan internet	43,386	37,657
Perolehan bahan dan perbelanjaan am	374,826	326,188
Penyenggaraan kenderaan, peralatan dan pejabat	639,188	122,944
Perolehan perkhidmatan	2,049,543	1,822,482
Insurans	875	982
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	1,293,810	1,277,615
Pelunasan aset tidak ketara	37,768	53,767
Kursus pembangunan sumber manusia (Kakitangan LJT)	87,036	28,551
Perbelanjaan penyenggaraan bangunan Wisma LJT	939,125	758,354
Perbelanjaan utiliti	389,755	365,097
17.3 KERAIAN DAN SUMBANGAN		
Kerai dan sumbangan	358,823	254,657
	13,496,667	11,082,453

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

18) PERBELANJAAN AKTIVITI PEMBANGUNAN PROFESIONAL

	2018	2017
	RM	RM
18.1 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Elaun-elaun, perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan mesyuarat jawatankuasa kecil	500,700	288,483
Program pembelajaran berterusan dan pembangunan professional	5,922,564	4,691,198
Penyelidikan dan pembangunan	40,000	10,000
Perolehan perkhidmatan	1,433,834	2,016,347
Perbelanjaan subsidi	20,073,755	12,116,869
Perbelanjaan latihan dan kursus	3,042,395	2,519,427
	31,013,248	21,642,324

19) PERBELANJAAN AKTIVITI PERHUBUNGAN KORPORAT

	2018	2017
	RM	RM
19.1 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Elaun-elaun, perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan mesyuarat jawatankuasa kecil	187,667	156,993
19.2 KERAIAN DAN SUMBANGAN		
Sumbangan kepada Geospatial Sciences and Technology College	793,709	996,680
Keraiian dan sumbangan	1,589,215	2,351,545
	2,570,591	3,505,218

20) PERBELANJAAN AKTIVITI KELAYAKAN PROFESIONAL

	2018	2017
	RM	RM
20.1 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Elaun-elaun, perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan mesyuarat jawatankuasa kecil	15,214	43,906
Honorarium Pemeriksa	28,720	22,150
	43,934	66,056

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

21) PERBELANJAAN AKTIVITI AMALAN PROFESIONAL DAN PEMANTAUAN

	2018	2017
	RM	RM
21.1 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Elaun-elaun, perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan mesyuarat jawatankuasa kecil	114,860	36,828
Penyelenggaraan kerja-kerja ukur belum siap	528	1,537,271
	<u>115,388</u>	<u>1,574,099</u>

22) PERBELANJAAN AKTIVITI KAJIAN AKTA, PERATURAN DAN PROSEDUR

	2018	2017
	RM	RM
22.1 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Elaun-elaun, perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan mesyuarat jawatankuasa kecil	90,381	38,264
	<u>90,381</u>	<u>38,264</u>

23) CUKAI

	2018	2017
	RM	RM
Peruntukan cukai tahun semasa	4,865,020	5,938,472
Peruntukan cukai terlebih bagi tahun terdahulu	(99,093)	(18,040)
Aset cukai tertunda dikenalpasti pada tahun semasa	(467,149)	(157,696)
	<u>4,298,778</u>	<u>5,762,736</u>

Peruntukan cukai dianggarkan berasaskan cukai yang perlu dibayar pada anggaran pendapatan bercukai bertingkat. Pengiraan dibuat berdasarkan kadar cukai korporat semasa. Pada tahun berakhir 2018, Lembaga telah menganggarkan RM4,413,699 (2017:RM3,316,127) elaun modal tidak serap dihantar ke hadapan.

Selain daripada itu tiada kerugian tidak serap dihantar ke hadapan. Ini adalah tertakluk kepada persetujuan dari Lembaga Hasil Dalam Negeri.

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

23) CUKAI (sambungan)

23.1 BELANJA CUKAI

Penyesuaian berangka antara kadar cukai biasa dan lebihan produk di darab dengan cukai adalah seperti berikut:

	2018	2017
	RM	RM
Lebihan hasil sebelum cukai dan zakat	21,445,123	24,294,386
Bayaran zakat	(4,001,000)	(1,066,000)
Lebihan hasil sebelum cukai	17,444,123	23,228,386
Cukai pada kadar 24% (2017:24%)	4,186,588	5,574,932
Kesan cukai:		
Susutnilai tidak layak ke atas hartanah, loji dan peralatan	204,824	204,819
Belanja lain yang tidak dibenarkan	1,082,903	1,247,335
Pendapatan dikecualikan cukai	(1,076,444)	(1,246,310)
	4,397,871	5,780,776
Peruntukan cukai terlebih bagi tahun terdahulu	(99,093)	(18,040)
	4,298,778	5,762,736

24) PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Berikut adalah transaksi dan baki penting pihak berkaitan:

a) Transaksi penting pihak berkaitan

Lembaga mempunyai transaksi penting pihak berkaitan juruukur tanah seperti dinyatakan di bawah:

- i- Persatuan Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia (PEJUTA)
- ii- Koperasi Juruukur Tanah Berhad (KOJUTA)
- iii- Yayasan Kebajikan Juruukur Tanah Berdaftar
- iv- Geospatial Sciences and Geomatics Education Group Sdn Bhd
- v- Geospatial Sciences and Technology College

	2018	2017
	RM	RM
Pendapatan daripada pihak berkaitan		
Pendapatan sewaan	211,208	224,175
	211,208	224,175

	2018	2017
	RM	RM
Perbelanjaan pihak berkaitan		
PERBELANJAAN AKTIVITI PEMBANGUNAN PROFESIONAL		
Program pembelajaran berterusan dan pembangunan professional	3,195,000	2,917,000
Perolehan Perkhidmatan	188,674	-
Perbelanjaan latihan dan kursus	2,972,271	2,441,611

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Semakan 1991)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

24) PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN (sambungan)

	2018	2017
	RM	RM
Perbelanjaan pihak berkaitan (sambungan)		
PERBELANJAAN AKTIVITI PERHUBUNGAN KORPORAT		
Sumbangan kepada Geospatial Sciences and Technology College	793,709	1,200,000
Keraian dan sumbangan lain	119,350	1,046,680
	<u>7,269,004</u>	<u>7,605,291</u>

b) Entiti berkaitan Kerajaan

Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia merupakan pihak berkaitan dengan Lembaga. Ini merujuk kepada Para 4 dan 5 Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) yang mana menyatakan Ahli-ahli Lembaga terdiri daripada Ketua Pengarah Ukur yang juga Pengerusi Lembaga, Timbalan Ketua Pengarah Ukur sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga dan seorang Pengarah Ukur Negeri yang dilantik oleh Menteri sebagai Ahli Lembaga. Selain itu tiga orang Ahli Lembaga yang lain adalah terdiri daripada jurukur tanah berlesen dibawah Para 9 Akta 458, residen dan praktis di Semenanjung Malaysia serta dilantik oleh YB Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli.

25) PENGESAHAN BAJET

Bajet 2018 telah dibentangkan di dalam Mesyuarat ke 132 Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Harta dan telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga yang ke 478 pada 26 November 2017.

Bajet 2018 ini telah disemak secara berkala dengan membandingkan perbelanjaan semasa. Pelarasan telah dibuat dengan mengagihkan semula beberapa peruntukan perbelanjaan bagi memastikan peruntukan perbelanjaan yang dibajetkan adalah selari dengan perbelanjaan sebenar semasa. Pelarasan bajet ini tidak melibatkan perubahan pada jumlah keseluruhan bajet perbelanjaan asal. Pelarasan bajet 2018 telah bentangkan di dalam Mesyuarat ke 144 Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Harta dan diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga yang ke 489 pada 29 Disember 2018.

26) PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah dibentang dan diluluskan oleh Ahli Lembaga pada 12 Julai 2019.



LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA

Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak
Pusat bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur
www.ljt.org.my